A

BENEFIT CIRCLE SDN BHD & YANG LAIN
lwn. KERAJAAN NEGERI PAHANG & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TEMERLOH
ROSLAN MAT NOR H
[PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO: CB-25-2-03-2024]
B 22 JANUARI 2025

Abstrak – *(i) Kelulusan dasar yang diberikan oleh pihak berkuasa tidak boleh dibatalkan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira sama ada kelulusan tersebut munasabah atau wajar dikekalkan. Syarat yang dikenakan untuk kelulusan hendaklah jelas dan dikomunikasikan sejak awal, dan bukan ditokok tambah di kemudian hari. Pembatalan satu-satu kelulusan pula perlu dilakukan dengan cara yang wajar dan munasabah. Badan awam perlu memaklumkan dan memberi peluang pada pihak yang terkesan untuk membantah sebelum pembatalan dibuat; (ii) Prinsip harapan yang sah boleh digunakan jika pihak berkuasa telah memberikan representasi yang munasabah yang diharapkan boleh dilaksanakan. Pernyataan yang dibuat oleh pihak berkuasa yang mempunyai kuasa dalam urusan tersebut boleh menjadi asas harapan yang sah. Seterusnya, harapan yang sah tidak boleh mengatasi kuasa tersurat yang dinyatakan bawah undang-undang bertulis; (iii) Perintah mandamus tidak boleh dikeluarkan jika terdapat tatacara lain untuk mendapatkan remedi yang sama. Dalam kes ini, pemohon-pemohon perlu menggunakan saluran yang ada, seperti pertanyaan susulan atau rayuan, sebelum memohon perintah mandamus.*

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: *Semakan kehakiman – Semakan kehakiman terhadap keputusan badan awam – Lesen pembalakan – Kelulusan dan pembatalan lesen – Pembatalan kelulusan dan hak pembatalan untuk mengambil hasil hutan dari kawasan pembalakan yang diluluskan oleh pihak-pihak berwajib – Semakan kehakiman terhadap keputusan pembatalan – Sama ada pemohon-pemohon mempunyai locus standi – Sama ada keputusan mengeluarkan lesen muktamad – Sama ada proses membuat keputusan rasional, sah dan setimpal – Sama ada pembatalan kelulusan pembalakan wajar dan munasabah – Sama ada pemohon-pemohon dimaklumkan atau dirundingi untuk pembatalan – Sama ada keputusan badan awam muktamad dan tidak boleh dipersoalkan – Sama ada pemohon-pemohon mempunyai harapan yang sah – Sama ada satu perintah mandamus wajar dikeluarkan – Sama ada terdapat tatacara lain bagi pemohon-pemohon mendapatkan hak – Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 – Akta Perhutanan Negara 1984*

Pada 2015, Pengarah Perhutanan Negeri Pahang telah menyembah maklum pada Sultan Pahang (ketika itu) bahawa pihak berkuasa kawasan pembalakan telah meluluskan secara dasar ± 60,000 ekar. Seterusnya, pada 2016, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang ('JPNP') telah berutusan surat dengan Beta Exclusive Constructions Sdn Bhd yang memperihalkan tentang kelulusan kewangan pembalakan tersebut. Surat tersebut turut menyatakan bahawa kelulusan dasar yang mana kelulusan muktamad yang akan dilesenkan bergantung pada semakan yang akan dijalankan oleh Pejabat Hutan Daerah. Pada 2018, terdapat satu surat kuasa wakil antara Sultan Pahang dengan Tengku Hajah Dato' Aishah ('THD Aishah') yang menyatakan THD Aishah akan menjadi wakil Sultan Pahang. Pada 2020 pula, terdapat surat kuasa wakil antara THD Aishah dengan pemohon kedua dan ketiga berkaitan kelulusan kawasan pembalakan tersebut. Terdapat satu perjanjian antara Beta Engineering & Constructions Sdn Bhd ('BEC') dengan pemohon pertama. Dalam perjanjian tersebut, surat kuasa wakil yang menamakan THD Aishah sebagai wakil Sultan Pahang telah dirujuk. Perjanjian tersebut juga merujuk kelulusan kawasan pembalakan yang diberikan pada 2016. Selain itu, pada 2017, JPNP menyatakan bahawa kelulusan yang diberikan pada 2016 telah dipinda. BEC telah menulis surat pada Pengarah Perhutanan Negeri Pahang, menyatakan BEC telah memberi kuasa pada pemohon pertama hingga ketiga untuk menguruskan hal ehwal berkaitan kawasan pembalakan yang dinyatakan, iaitu kelulusan kawasan pembalakan seluas ± 60,000 ekar. Didapati bahawa Pejabat Hutan Daerah Temerloh/Bera telah berurusan dengan BEC pada tahun 2020 berkaitan permit mencuci jalan dan memasuki hutan. Walau bagaimanapun, pada 2023, JPNP memaklumkan tentang pembatalan kelulusan pembalakan dalam kawasan Hutan Tanah Negeri Lubuk Yu di Hutan Simpan Berkelah, Mukim Chenor, Daerah Maran. Pemohon-pemohon memulakan tindakan semakan kehakiman ini untuk: (i) perintah-perintah *certiorari* bagi mengetepikan dan/atau membatalkan keputusan: (a) pembatalan kelulusan dan hak pembatalan untuk mengambil hasil hutan dari kawasan pembalakan yang diluluskan oleh responden-responden; (b) untuk menubuhkan High Conservation Value Forest dalam sebahagian kawasan pembalakan yang diluluskan melalui surat-surat pembatalan yang dikeluarkan oleh responden ketiga; dan (c) responden pertama untuk mewartakan kawasan pembalakan diluluskan sebagai Hutan Taman Negeri Lubuk Yu yang dibuat dalam MMK Negeri Pahang; (ii) satu deklarasi bahawa kelulusan dasar yang diberikan bawah konsesi Berkelah adalah sah dan berkuat kuasa atau, secara alternatifnya, dihidupkan semula tanpa apa-apa syarat tambahan; dan (iii) perintah *mandamus* untuk memaksa responden kedua mengeluarkan lesen Borang 1 dan lesen-lesen berkenaan yang membenarkan pengambilan hasil hutan mengikuti dan pelaksanaan tugas pemohon menurut konsesi Berkelah dengan serta-merta. Responden membantah semakan kehakiman ini, dengan menyatakan bahawa, antara lain, (i) kelulusan yang diberi oleh responden adalah satu keputusan dasar dan masih tertakluk pada kelulusan yang diberikan secara muktamad. Ini

berdasarkan surat daripada JPNP pada BEC bertarikh 30 Jun 2016 yang mengandungi syarat-syarat kelulusan dalam perenggan 2(t); dan (ii) responden boleh membatalkan kelulusan tersebut tanpa perlu berunding dengan pemohon. Ini adalah budi bicara responden-responden untuk menganugerahkan, membatalkan atau mengubah syarat-syarat kelulusan kawasan pembalakan tersebut dan pemohon-pemohon tidak mempunyai kewajaran untuk mempersoalkannya. Isu awalan yang timbul adalah sama ada pemohon-pemohon mempunyai *locus standi* untuk memulakan semakan kehakiman ini.

Diputuskan (membenarkan sebahagian permohonan):

(1) Setelah meneliti surat kuasa wakil dan perhubungan antara responden-responden dengan pemohon-pemohon, adalah sukar untuk mahkamah memutuskan bahawa pemohon-pemohon boleh dinafikan hak mereka untuk mengemukakan tindakan semakan kehakiman ini. Ini kerana terdapat hubungan antara pemohon-pemohon dengan kawasan pembalakan yang diluluskan pada Sultan Pahang melalui surat kuasa wakil dan perjanjian-perjanjian antara pemohon-pemohon dengan pihak-pihak yang berkaitan dengan kawasan pembalakan tersebut. Ini melibatkan BEC dengan pemohon pertama. Satu tindakan sivil yang berteraskan kausa tindakan antara plaintif dan defendan wajar dibezakan. Sebaliknya, bagi tujuan semakan kehakiman, ini boleh dikemukakan oleh pihak yang mempunyai kesan daripada keputusan yang dibuat oleh badan awam. Ini jelas dapat dilihat melalui peruntukan A. 53 k. 2(4) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Oleh itu, pemohon-pemohon mempunyai *locus standi* meneruskan tindakan terhadap responden-responden. (perenggan 18-20)

(2) Surat bertarikh 30 Jun 2016 adalah berkaitan dengan kelulusan kawasan pembalakan yang diberikan oleh Sultan Pahang seluas ± 60,000 ekar. Namun demikian, jika diteliti warkah sembah maklum daripada JPNP pada Sultan Pahang, tiada apa-apa syarat seperti dalam perenggan 2(t) tersebut dinyatakan. Begitu juga dengan surat daripada JPNP kepada Pengelola Bijaya DiRaja Sultan Pahang bertarikh 28 November 2017, iaitu pindaan pelan kelulusan pembalakan pada Sultan Pahang juga tidak didapati syarat di perenggan 2(t). Ini menunjukkan, kali pertama kelulusan kawasan pembalakan tersebut diberikan pada Sultan Pahang, tiada syarat seperti perenggan 2(t) tersebut. Ini hanya timbul setelah berlakunya kerja-kerja di kawasan pembalakan tersebut yang pertama kalinya dilihat tertera pada surat kepada BEC bertarikh 30 Jun 2016. (perenggan 23 & 24)

(3) Keputusan responden kedua dan ketiga membatalkan kelulusan kawasan pembalakan menunjukkan bahawa kawasan yang dibatalkan adalah di Hutan Simpan Berkelah, Mukim Chenor di sebahagian daripada kompartmen 75 dan 78 seluas ± 260.22 hektar, kompartmen 87 dan 88

seluas ± 245.90 hektar dan kompartmen 89, 90 dan 102 seluas ± 343.79 hektar. Kesemua pembatalan tersebut merujuk pada kawasan pembalakan yang telah dinyatakan dalam surat pindaan pelan kelulusan kawasan pembalakan bertarikh 28 November 2017. Oleh itu, sukar untuk menyatakan bahawa disebabkan kelulusan yang diberikan oleh responden kedua dan ketiga adalah tidak muktamad dan tertakluk pada keluasan muktamad yang akan dilesenkan, maka responden pertama boleh membatalkan kelulusan tersebut. (perenggan 27 & 28)

(4) Apa-apa pembatalan yang dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan ('MMK') Negeri Pahang, berkaitan dengan pembalakan tersebut hendaklah dilakukan dengan sewajarnya. Mahkamah ini tidak wajar mempertikaikan atau mempersoalkan keputusan yang dibuat oleh MMK Negeri Pahang berkenaan pembatalan kelulusan tersebut. Ini berada dalam wewenang dan bidang kuasa serta budi bicara MMK Negeri Pahang. Apa yang menjadi persoalan dalam kes ini adalah adakah proses membuat keputusan tersebut rasional, sah dan setimpal dan ini menjadi asas penentuan permohonan semakan kehakiman ini. Kelulusan yang diberikan melalui warkah pada Pengelola Bijaya DiRaja Sultan Pahang bukan kelulusan bersyarat. Ini tidak boleh dijadikan alasan untuk menyatakan bahawa disebabkan satu kelulusan bersyarat, maka itu boleh dibatalkan dengan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira sama ada itu sesuatu yang munasabah atau wajar dikekalkan. (perenggan 41 & 43)

(5) Responden-responden menegaskan bahawa pembatalan kelulusan pembalakan tersebut adalah sesuatu yang wajar. Ini berdasarkan laporan-laporan berkenaan dengan pencemaran di kawasan tersebut dan juga berdasarkan syor-syor yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, sukar diterima bahawa pembatalan tersebut adalah sesuatu yang munasabah dan wajar. Sekiranya responden-responden berpendapat bahawa penerusan aktiviti pembalakan di kawasan tersebut akan menjejaskan alam sekitar dan kawasan berhampiran, maka pembatalan tersebut wajar dilakukan pada masa yang lebih awal dan tidak menyebabkan pemohon-pemohon terpaksa mengeluarkan perbelanjaan dan mendapatkan kebenaran pihak berkuasa untuk meneruskan aktiviti pembalakan tersebut. Tidak wajar setelah tiga tahun, selepas segala yang dilakukan oleh pemohon-pemohon, pembatalan tersebut dilakukan. (perenggan 49 & 51)

(6) Tiada apa-apa petanda yang menunjukkan pemohon-pemohon telah dimaklumkan atau dirundingi untuk pembatalan tersebut. Badan awam yang diberi amanah untuk mentadbir dan menguruskan hal ehwal masyarakat tidak boleh mengambil pendirian bahawa keputusan mereka adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan. Ini akan menyebabkan orang awam akan kemungkinan tertindas atau ditindas oleh badan

awam. Pembatalan sesuatu keputusan adalah dalam bidang kuasa badan awam tertentu, namun hendaklah dilaksanakan setelah orang yang terkesan dengan keputusan tersebut dimaklumkan dengan diberikan peluang untuk menzahirkan bantahan dan kepentingan mereka. Setelah dipertimbangkan oleh badan awam tersebut dengan sewajarnya dan keputusan dibuat yang tidak berpihak pada pemohon, maka ketika itu tidak dapat dikatakan keputusan tersebut tidak rasional. Ini tidak berlaku dalam kes ini. (perenggan 57, 58 & 60)

(7) Untuk membolehkan sesuatu harapan yang sah digunakan, perlu ditunjukkan bahawa pihak berkuasa telah memberikan satu representasi yang secara munasabahnya diharapkan boleh dilaksanakan oleh pihak berkuasa tersebut. Perlu ada keterangan yang menunjukkan bahawa pernyataan telah dibuat oleh pihak berkuasa yang memberikan harapan pada orang awam untuk bergantung pada pernyataan tersebut untuk satu-satu tindakan yang diharapkan akan dilakukan oleh pihak berkuasa tersebut. Penggunaan prinsip harapan yang sah bergantung pada fakta kes dan tidak boleh sekali-kali mengatasi kuasa tersurat yang dinyatakan bawah undang-undang bertulis. Dalam kes ini, pemohon-pemohon telah berurusan dengan responden ketiga dan keempat untuk menguruskan permohonan untuk lesen mengeluarkan balak dari kawasan tersebut. Selain itu, terdapat juga surat-surat yang diberikan oleh responden ketiga dan keempat berkaitan kawasan pembalakan tersebut. Dalam surat-surat ini, terdapat pernyataan yang menjadi sandaran pada tindakan-tindakan lanjut pemohon-pemohon berkenaan kawasan pembalakan. Responden ketiga dan keempat adalah pihak yang mempunyai kuasa dalam urusan kawasan pembalakan tersebut. Ini bermakna pernyataan yang diberikan oleh responden ketiga dan keempat boleh menjadi asas pada harapan yang sah pemohon-pemohon terhadap kelulusan kawasan pembalakan tersebut dan usaha-usaha pembalakan yang akan dilakukan dalam kawasan tersebut. Oleh itu, adalah menjadi harapan sah pemohon-pemohon untuk memperolehi kawasan pembalakan tersebut dan agar ini tidak dibatalkan secara sebelah pihak oleh responden-responden. (perenggan 76, 78 & 79)

(8) Setelah mahkamah membuat keputusan untuk mengetepikan pembatalan kelulusan kawasan pembalakan tersebut, adakah keputusan pewartaan dan pengisytiharan Hutan Taman Negeri Lubuk Yu itu juga terbatal secara automatik? Keputusan mengetepikan pembatalan kelulusan kawasan pembalakan berbeza pertimbangannya dengan keputusan responden pertama mengisytiharkan dan mewartakan kawasan hutan tersebut. Ini kerana keputusan responden pertama adalah satu keputusan dasar sementara keputusan responden kedua membatalkan kelulusan kawasan pembalakan tidak termasuk dalam perkara dasar responden pertama yang tidak boleh diganggu oleh mahkamah ini. (perenggan 86)

(9) Mahkamah tidak boleh memberikan satu perintah *mandamus* sekiranya terdapat tatacara lain untuk mendapatkan hak pemohon-pemohon. Dalam erti kata lain, *mandamus* tidak boleh digunakan sebagai alat untuk memperoleh satu remedi yang boleh diperolehi melalui kes lain. Dalam kes ini, pemohon-pemohon telah mengemukakan permohonan untuk mendapat lesen pembalakan seperti yang dikehendaki bawah Akta Perhutanan Negara 1984. Berdasarkan afidavit sokongan pemohon-pemohon berkenaan perkara ini, tiada keterangan yang menunjukkan bahawa responden-responden telah memaklumkan permohonan pemohon-pemohon untuk mendapatkan lesen pembalakan itu telah ditolak. Ini bermakna permohonan tersebut masih berada dalam pertimbangan responden-responden. Ini bergantung pada penelitian responden-responden dan mereka berpuas hati bahawa segala kehendak bawah Akta Perhutanan Negara 1984 dan peraturan-peraturan bawahnya telah dipenuhi. Pemohon-pemohon boleh mengemukakan pertanyaan susulan atau mengemukakan rayuan sekiranya keputusan telah dibuat oleh responden-responden. Oleh itu, tidak wajar, berdasarkan fakta dan keadaan kes ini, untuk mahkamah mengeluarkan perintah *mandamus* terhadap responden-responden sedangkan proses permohonan lesen pembalakan itu belum diputuskan secara muktamad oleh responden-responden. (perenggan 95)

Kes-kes yang dirujuk:

Attorney-General Of Hong Kong v. Ng Yuen Shiu [1983] 2 AC 629 ***(dirujuk)***

Darahman Ibrahim & Ors v. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis & Ors [2008] 4 CLJ 538 CA ***(dirujuk)***

Datuk Bandar Kuala Lumpur v. Perbadanan Pengurusan Trellises & Ors And Other Appeals [2023] 5 CLJ 167 FC ***(dirujuk)***

John Peter Berthelsen v. Director-General Of Immigration, Malaysia & Ors [1986] 2 CLJ 409; [1986] CLJ (Rep) 160 SC ***(dirujuk)***

Kesultanan Pahang v. Sathask Realty Sdn Bhd [1998] 2 CLJ 559 FC ***(dirujuk)***

Koon Hoi Chow v. Pretam Singh [1972] CLJU 56; [1972] 1 LNS 56 HC ***(dirujuk)***

Majlis Perbandaran Pulau Pinang v. Syarikat Bekerjasama-sama Serbaguna Sungai Gelugor Dengan Tanggungan [1999] 3 CLJ 65 FC ***(dirujuk)***

Manggai v. Government of Sarawak & Anor [1970] CLJU 80; [1970] 1 LNS 80 FC ***(dirujuk)***

Marcel Jude Joseph & Anor v. The Minister Of Education & Ors [2013] 1 CLJ 1106 HC

McInnes v. Onslow-Fane & Anor [1978] 1 WLR 1520 ***(dirujuk)***

Menteri Besar Negeri Pahang Darul Makmur v. Seruan Gemilang Makmur Sdn Bhd [2010] 5 CLJ 123 CA ***(dirujuk)***

Merdeka University Bhd v. Government Of Malaysia [1981] CLJ 175; [1981] CLJ (Rep) 191 HC ***(dirujuk)***

North East Plantations Sdn Bhd lwn. Pentadbir Tanah Daerah Dungun & Satu Lagi [2011] 4 CLJ 729 FC ***(dirujuk)***

Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan v. Sri Lempah Enterprise Sdn Bhd [1978] CLJU 143; [1978] 1 LNS 143 FC ***(dirujuk)***

Pentadbir Tanah Dan Daerah Petaling & Ors v. Bandar Utama City Corporation Sdn Bhd & Anor And Another Appeal [2021] 5 CLJ 480 CA ***(dirujuk)***

R (On The Application Of A) v. Secretary Of State For The Home Department [2022] 1 All ER 177 ***(dirujuk)***

A *R (On The Application Of Gallaher Group Ltd And Others) v. The Competition And Markets Authority [2019] AC 96* ***(dirujuk)***
R (On The Application Of MP) v. Secretary Of State For Health And Social Care [2021] 1 All ER 326 ***(dirujuk)***
Schmidt And Another v. Secretary Of State For Home Affairs [1969] 2 Ch 149 ***(dirujuk)***
Semantan Estate [1952] Sdn Bhd v. Collector Of Land Revenue Wilayah Persekutuan
B *[1987] 2 CLJ 199; [1987] CLJ (Rep) 329 SC* ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Federal Constitution, art. 76(1)(b), Ninth Schedule, List II
National Forestry Act 1984, ss. 2, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22
Rules of Court 2012, O. 53 r. 2(4)
C Specific Relief Act 1950, s. 44

Sumber-sumber yang dirujuk:
C Forsyth, *The Provenance And Protection Of Legitimate Expectation* [1988] CLJ 238
Dr Damien Cremean, *MP Jain, Administrative Law of Malaysia and Singapore*, Fourth edn, Lexis Nexis, 2011, ms 615
D HWR Wade & CF Forsyth, *Administrative Law*, Ninth edn, 2004, Oxford Univeristy Press, ms 615
Modern Concept of Locus Standi In Malaysia: Nik Elin Zurina's case [2024] 6 CLJ i
Professor Alison L Young, *Stuck At A Crossroad? Substantive Legitimate Expectations In English Law* [2021] Cambridge Law Journal (CLJ) 179
Wan Azlan Ahmad & Mohsin Hingun, *Legitimate Expectation And Locus Standi:*
E *A Note* [1994] 3 MLJ liv

Bagi pihak pemohon-pemohon - Lau Kee Sern, Aaron Lee, Eunice Aw & Ngo Chi Ern; T/n Aaron KC Ng & Partners
Bagi pihak responden-responden - Fathin Nadirah Kasim; Penasihat Undang-undang, Pahang

F *Dilaporkan oleh Lina E*

PENGHAKIMAN

Roslan Mat Nor H:

Pendahuluan

G

[1] Pada 13 November 2015 melalui warkah yang tulus ikhlas daripada Pacal Tua, Dato' Hj Mohd Paiz bin Kamaruddin, Pengarah Perhutanan Negeri Pahang telah menyembah maklum kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni
H Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, Sultan Pahang (ketika itu) bahawa telah diluluskan secara dasar ± 60,000 ekar oleh pihak berkuasa kawasan pembalakan.

[2] Pada 16 November 2015, KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin
I Al-Mu'adzam Shah telah membuat satu surat kuasa wakil melantik Dato' Seri Wan Amizan bin Wan Abdul Razak sebagai wakil.

[3] Pada 30 Jun 2016, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang Darul Makmur telah berutusan surat dengan Beta Exclusive Constructions Sdn Bhd yang memperihalkan berkenaan dengan kelulusan kawasan pembalakan tersebut. Di dalam surat tersebut, dinyatakan bahawa kelulusan dasar yang mana kelulusan muktamad yang akan dilesenkan bergantung kepada semakan yang akan dijalankan oleh Pejabat Hutan Daerah. Ini terdapat dalam perenggan 2(t) surat tersebut.

[4] Pada 30 Mei 2018, terdapat satu surat kuasa wakil di antara KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah dengan Yang Amat Mulia (YAM) Tengku Puteri Seri Kemala Pahang, Tengku Hajah Dato' Aishah binti Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang menyatakan bahawa YAM Tengku Hajah Dato' Aishah akan menjadi wakil kepada KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah seperti berikut:

> to be attorney for the principal and in my name or otherwise to do all or any of the following things within the states of Malaya in respect of all my businesses, projects, lands and properties described as ores including but not limited to river sand and sea sand, mineral ores including but not limited to tin ores, iron ores, manganese ores, gold ores, timbers, acquiring lands including but not limited for the purpose of plantation, development and agriculture whatsoever and to deal with any applications, approvals, licenses, notices, permits, certificates, reports, schemes, forms, development, joint venture in whatsoever nature (hereinafter referred to as "the said Business") that is to say:
>
> (a) To execute, sign, seal, deliver and perfect all such acts deeds conveyances and assurance as may be necessary and all relevant agreements, correspondences, assignments, forms, plans, licenses, reports and any other documents deemed necessary to affect the application, approval and full operation of the said Business or for the purpose of perfecting any transactions or disposition of the said Business;
>
> (b) To manage, win and to sell off to any person or company whosoever of any proceeds or products or physical property including but not limited the mineral ores win from the said Business whether now belonging to me or which shall hereafter belong to me and to sign and execute all necessary instruments and to receive from any person, firm or company any money payable for or in respect of the said Business;
>
> (c) To appear before any relevant authorities, officers or any Public Officer in connection with all matters of the said Business concerned including to make any decision required in order to manage of the said Business;

(d) To pay and settle all premiums, licenses, docket, taxes, levies and all other payments required and charged by the relevant government authority/ies and to obtain full and effectual receipts releases for the same;

(e) To state, settle, compound, adjust and compromises all account, claims, demands and differences between the affected party and any other person or persons and if advisable to refer any such matters to arbitration and for that purpose to sign, seal and execute any agreement of reference or any instrument necessary;

(f) To appear before any judge, magistrate or any public officer in connection with any of the matters herein contained and in any event required to appeal from any order or judgment given against me;

(g) To appoint any contractor, operator or joint venture to execute the said Business;

(h) To let, sublet, transfer or grant, leases and tenancies of the said Business or any parts thereof to such persons at such consideration and upon such terms as the Attorney shall think fit and to let such persons into possession thereof and to accept or surrender(s) of such transactions and for these purposes the Attorney may do such acts or sign such deeds, to make sign seal and deliver all leases, tenancy, sale or transfer agreements and other instruments.

(i) To appear in any court or courts and to procure letters administration with or without the will annexed of the estate and effects of any deceased debtor or debtors and to execute such bond, covenant or other obligations may be required upon the grant of such Letter of Administration;

(j) To apply any extension of any approvals, licenses and permits thereto from any relevant government authority/ies;

(k) To make any affidavit or proof of any debts or debts due or claims to be due to me in any proceedings taken or hereafter to be taken by or against any person, firm or company under Bankruptcy Act or the Companies Act or any other Acts or Enactment for the time being in force, to attend at all meetings of creditors under any such proceedings and to proposed second or vote for or against any resolution at any such meeting and generally to act in all proceedings whether by way of bankruptcy or liquidation by arrangement or by composition which may be taken against any debtor of mine as my said Attorney shall think fits;

(l) To substitute and to appoint from time one or more attorney or attorneys with the same or more limited powers and such substitute and substitutes at pleasure to remove and another or others to appoint;

(m) To demand, sue for, recover and receive by all lawful ways and means from all and every person whom it may concern all moneys, rents, debts, tributes, dues, goods and property whatsoever which now are or may hereafter become due, owing payable or belonging to the principal upon or by virtue of any judgement, decree, bill, bond, promissory note, account or upon any instrument relating thereto and upon receipt or recovery of the same to grant sufficient adquittances, releases and discharges; and in case of non-payment or non-delivery to take such actions in law or other proceeding as may be necessary for the recovery of the same;

(n) To pay and settle all the principal's lawful debts and obtain full and effectual receipts and releases for the same;

(o) To enter into possession into the said Business, to give notices to quit, to refrain any wrongdoer from executing works in the Business as occasion may require and to do every other act and things for the improvement of the same;

(p) To make any statutory declarations including but not limited to institute or to withdraw originating summons or injunction proceeding.

[5] Pada 28 September 2020, terdapat surat kuasa wakil di antara YAM Tengku Puteri Seri Kemala Pahang Tengku Hajah Dato' Aishah binti Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dengan Dato' Lee Cheng Chuan dan Lee Siew Chien berkaitan dengan kelulusan kawasan pembalakan tersebut.

[6] Pada 20 September 2019, terdapat perjanjian di antara Syarikat Beta Engineering & Constructions Sdn Bhd dengan Benefit Circle Sdn Bhd iaitu pemohon pertama dalam kes ini. Dalam perjanjian tersebut, surat kuasa wakil bertarikh 30 Mei 2018 yang menamakan YAM Tengku Hajah Dato' Aishah binti Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah sebagai wakil kepada KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah dirujuk. Dalam perjanjian tersebut juga telah dirujuk kelulusan kawasan pembalakan yang diberikan pada 30 Jun 2016.

[7] Selain daripada itu, pada 28 November 2017, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang melalui surat kepada Pengelola Bijaya DiRaja KDYMM Sultan Pahang telah menyatakan bahawa kelulusan yang diberikan pada 30 Jun 2016 telah dipinda seperti dalam surat bertarikh 28 November 2017 tersebut.

[8] Pada 20 September 2019, Beta Engineering & Constructions Sdn Bhd telah menulis surat kepada Pengarah Perhutanan Negeri Pahang yang menyatakan bahawa Beta Engineering & Constructions Sdn Bhd telah memberikan kuasa kepada Benefit Circle Sdn Bhd, Dato' Lee Cheng Chuan dan Lee Siew Chin untuk menguruskan hal ehwal berkaitan dengan kawasan pembalakan yang dinyatakan iaitu kelulusan kawasan pembalakan seluas ± 60,000 ekar seperti yang dinyatakan di atas.

[9] Adalah didapati bahawa Pejabat Hutan Daerah Temerloh/Bera telah berurusan dengan Benefit Circle Sdn Bhd melalui surat-surat bertarikh 15 Januari 2020 dan 16 Januari 2020 berkaitan dengan permit untuk mencuci jalan dan memasuki hutan. Begitu juga surat bertarikh 9 Mac 2020.

[10] Pada 14 Disember 2023, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah mengutus surat kepada Pengelola Bijaya DiRaja KDYMM Sultan Pahang memaklumkan pembatalan kelulusan pembalakan dalam kawasan Hutan Tanah Negeri Lubuk Yu di Hutan Simpan Berkelah, Mukim Chenor, Daerah Maran. Asas kepada keputusan tersebut telah dinyatakan di perenggan 4 surat seperti yang berikut:

> 4. Sehubungan dengan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pahang ke 32/2023 bertarikh yang sama telah bersetuju untuk membatalkan kelulusan pembalakan dalam Kawasan Hutan Taman Negeri Lubuk Yu di Hutan Simpan Berkelah, Mukim Chenor, Daerah Maran dengan syarat-syarat seperti berikut:
>
> (a) Membatalkan kelulusan pembalakan di Hutan Simpan Berkelah di sebahagian kompartmen 75 & 88 ± 260.22 hektar; dan
>
> (b) Mengkontrakan kelulusan bayaran yang telah dijelaskan kepada Kawasan kelulusan yang lain bagi pemilik kelulusan yang sama.

[11] Cerakinan fakta di atas akan dapat memberikan gambaran yang jelas duduk perkara kes ini. Ia juga dapat meluruskan pertimbangan mahkamah di dalam meneliti permohonan semakan kehakiman ini.

Analisa

Isu Awalan

[12] Dalam kes ini, timbul persoalan sama ada pihak pemohon mempunyai *locus standi* untuk mengambil tindakan semakan kehakiman ini. Ia adalah disebabkan urusan kelulusan kawasan pembalakan itu bukannya dibuat secara terus kepada pemohon-pemohon. Peguam pihak responden menyatakan bahawa kelulusan yang diberikan adalah kelulusan dasar. Ia tertakluk kepada keputusan muktamad seperti yang dinyatakan di atas.

[13] Sebaliknya, peguam pihak pemohon menyatakan bahawa pihak pemohon mempunyai *locus standi* di dalam kes ini berdasarkan kepada perjanjian pembalakan dengan Beta Engineering & Constructions Sdn Bhd serta urutan surat perwakilan yang dibuat di antara pihak KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dengan YAM Tengku Hajah Dato' Aishah binti Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Dato' Seri Wan Amizan bin Wan Abdul Razak.

[14] Isu berkenaan dengan *locus standi* bagi tujuan semakan kehakiman telah diperjelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Datuk Bandar Kuala Lumpur v. Perbadanan Pengurusan Trellises & Ors And Other Appeals* [2023] 5 CLJ 167; [2023] 3 MLJ 829 seperti berikut:

[438] An issue that requires attention is the applicability of *Lim Kit Siang* in the context of assessing standing to sue. This is important for clarity in the law relating to this issue.

[439] Apart from the change brought about in Order 53 rule 2(4), requiring an applicant to show that he has been 'adversely affected', rather than having to show a "genuine interest" in order to meet the threshold requirement for standing to sue, all of which are seemingly different phrases to be met on a procedural basis, it is clear that in determining such applications, it is the courts that retain the discretion to set the bar on standing to sue. It is the courts that decide on the extent of the filter, so to speak, in allowing proceedings to continue by way of judicial review.

[440] It is also equally clear that in most jurisdictions this threshold issue has, and continues to evolve in manner that is consonant with a broad, liberal and flexible approach rather than the converse. This, in turn, is in keeping with the rule of law which requires that in order to maintain an equitable ordering between the citizenry and the government at various levels, the law must be relevant and effective in maintaining a check and balance for the ultimate benefit of the populace.

[441] This brings to the fore the question of whether *Lim Kit Siang* remains applicable law at the present time. We have considered *QSR Brands* as well as *MTUC*, and note that while those decisions by the Court of Appeal and this Court have moved away from *Lim Kit Siang*, this is primarily on the basis of the amendment to Order 53 from its initial provisions to its present form. However, the correctness of the position in law of the majority decision in *Lim Kit Siang* was not considered in either *QSR* or *MTUC*.

[442] Having given full consideration to this issue, the majority decision in *Lim Kit Siang* no longer represents the law relating to *locus standi* or standing to sue, particularly in relation to public interest litigation. We so conclude for the following reasons:

(a) The deliberate reliance on, and use of the test in *Boyce*, which was narrow and restrictive, when the position in England had moved on as reflected in the decision in National Federation, denotes that the majority judges in *Lim Kit Siang*, failed or refused to accept that the standards and test outlined in *Boyce* was less than acceptable or correct in terms of its stringent requirements, as expressly acknowledged by the English Courts. Notwithstanding this, our courts chose to rely on what had been effectively overruled in England;

(b) As explained in National Federation, *Gouriet* was not a public law matter but one relating to a private law action. The majority in *Lim Kit Siang* viewed or categorised the case brought by Lim as a private civil law claim on the basis that it was initiated by way of originating summons and sought a declaration. With the greatest of respect, the determination of the nature of an action as being a

private law claim or a public law claim should be assessed and analysed on the basis of the substance of the claim rather than its adjectival form.

(c) The question needs to be asked - is this claim brought to procure personal relief for the claimant? Or is it brought in a representative capacity for another, or for the public, or in the public interest? Does the remedy sought ultimately benefit only the claimant or a category of persons or the public at large?

(d) A perusal of the case discloses that *Lim Kit Siang*, in his various capacities, initiated the action for a declaration in the interests of the public as a whole, a matter which the minority dissenting judges appreciated. The majority, with the greatest respect, failed to consider or appreciate the importance of substantially reviewing and assessing the basis for the proceedings. This is an issue which is of importance today and for the future because it is incumbent on the Courts to appreciate correctly the nature of a claim by having regard to the substance of the claim, rather than the mode of initiation of the proceedings from an adjectival perspective;

(e) The application by the majority judges of what was in effect a private law standard, and that too one that was outdated, resulted in the courts in this jurisdiction being compelled to accept a far more stringent test for standing, predicated on private law, to seek relief in relation to the accountability of public officials, public authorities and the government, on the basis that the law remained as it had been prior to the amendment to the English Rules of Court;

(f) In this jurisdiction we enjoy a written constitution which specifies clearly the fundamental rights of citizens and provides remedies not only for constitutional infringements, but also administrative acts or omissions, with a view to ensuring a check and balance on executive action. Given the breadth and the constitutionally entrenched rights of judicial review available to the citizenry, both constitutional and administrative, it was not tenable, with the greatest of respect, to then construe Order 53, a procedural rule, rigidly and inflexibly so as to hinder or restrict the constitutionally sanctioned right of judicial review;

(g) The majority in *Lim Kit Siang* failed to give sufficient or adequate consideration to the judicial reasoning in the Federal Court decision in *Othman Saat* and the High Court decision in *Lim Cho Hock* which was expressly accepted as good law in *Othman Saat*, a decision of the same court.

[443] As a result, public interest litigation has not been consonant with the rest of the jurisdictions in the common law or civil law world. This becomes a matter of considerable concern as it precludes or prohibits an essential feature of the Federal Constitution, namely the right of the citizenry to challenge and/or seek remedies where there are serious omissions or acts which appear to be unlawful or *ultra vires*, using the reason of a lack of standing to sue.

> [444] For these reasons we reiterate that the dissenting decision of the minority judges, particularly as reflected in the judgment of Abdoolcader SCJ, reflects the correct position in law and ought to be followed. His decision outlines the fundamental requirements that are to be considered by a court when determining whether or not to grant leave for judicial review. The cases of *Lim Cho Hock* and *Othman Saat* provide a sound basis for the evolution of the law on standing to sue from that period to the present as it presents a rational and coherent development/progression.

[15] Dalam kes ini, isu berkenaan *locus standi* tidak sepatutnya timbul kerana semasa peringkat kebenaran tiada apa-apa bantahan yang dikemukakan oleh pihak responden. Walau bagaimanapun, untuk tujuan melengkapkan kes ini, mahkamah berpendapat isu tersebut perlu dipertimbangkan oleh mahkamah untuk mengelakkan daripada kesulitan yang akan dihadapi oleh pihak-pihak sekiranya perkara ini dibangkitkan kelak.

[16] Oleh yang demikian, mahkamah perlu meneliti hubungan di antara pihak pemohon-pemohon dan pihak responden-responden. Penentuan sama ada pihak yang boleh memfailkan semakan kehakiman dan hubung kaitnya dengan *locus standi* kini tidaklah begitu ketat seperti diputuskan dalam kes *Datuk Bandar Kuala Lumpur v. Perbadanan Pengurusan Trellises & Ors And Other Appeals* (*supra*).

[17] Mahkamah juga berpeluang meneliti artikel yang memberikan kefahaman yang jitu berkenaan dengan *locus standi*. Ini dapat dilihat dalam *Modern Concept Of Locus Standi In Malaysia*: *Nik Elin Zurina's Case* [2024] 6 CLJ(A) i seperti berikut:

> *Locus standi* is a fundamental principle in litigation that requires a party to have the capacity to bring a legal action in court. If a party lacks this capacity, the court can strike out the action.

[18] Mahkamah ini perlu melihat sama ada pihak pemohon mempunyai *locus standi* untuk mengambil tindakan terhadap pihak responden. Di samping itu, adakah mahkamah wajar mempertimbangkan hujahan pihak responden bahawa disebabkan kawasan pembalakan tersebut telah diluluskan kepada KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, maka tiada pihak lain yang boleh memfailkan semakan kehakiman ini melainkan KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Namun demikian, setelah meneliti surat kuasa wakil dan juga perhubungan di antara pihak responden dengan pemohon-pemohon adalah sukar untuk mahkamah ini memutuskan bahawa pemohon-pemohon boleh dinafikan hak mereka untuk mengemukakan tindakan semakan kehakiman ini. Ia adalah disebabkan terdapatnya perhubungan di antara pemohon-pemohon dengan kawasan pembalakan yang telah diluluskan kepada KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah melalui surat kuasa wakil dan perjanjian-perjanjian

di antara pemohon-pemohon dengan pihak-pihak yang berkaitan dengan kawasan pembalakan tersebut. Ia adalah melibatkan Syarikat Beta Engineering & Constructions Sdn Bhd dengan Benefit Circle Sdn Bhd.

[19] Mahkamah ini wajar membezakan di antara suatu tindakan sivil yang berteraskan kepada kausa tindakan di antara pihak plaintif dan defendan. Sebaliknya, bagi tujuan semakan kehakiman, ia boleh dikemukakan oleh pihak yang mempunyai kesan daripada keputusan yang dibuat oleh badan awam. Ini jelas dapat dilihat melalui peruntukan di bawah A. 53 k. 2(4) Kaedah-Kaedah Mahkamah (KKM) 2012 menyatakan seperti yang berikut:

> 2. Permohonan (A. 53 k. 2)
>
> (4) Mana-mana orang yang mendapat kemudaratan dengan keputusan, tindakan atau peninggalan berhubung dengan penjalanan kewajipan atau fungsi awam adalah berhak untuk membuat permohonan itu.

[20] Mahkamah ini berpendapat dan memutuskan bahawa pemohon-pemohon mempunyai *locus standi* untuk meneruskan tindakan terhadap responden-responden.

Kewajaran Kes

[21] Seterusnya, mahkamah perlu melihat kepada isu merit permohonan yang dikemukakan oleh pihak pemohon dalam kes ini. Adalah menjadi prinsip undang-undang yang jelas bahawa dalam suatu semakan kehakiman, mahkamah tidak melihat kepada keputusan yang dibuat oleh badan awam tersebut tetapi mahkamah melihat sama ada proses membuat keputusan tersebut adalah teratur, adakah ia sesuatu yang tidak rasional, tidak sah dan tidak wajar seperti yang telah jelas dinyatakan dalam prinsip '*Wednesbury* principle' iaitu undang-undang yang mantap berkaitan dengan semakan kehakiman ini.

Kelulusan Bersyarat

[22] Mahkamah perlu menimbangkan hujahan yang dikemukakan oleh pihak responden yang menyatakan bahawa kelulusan yang diberikan oleh pihak responden adalah suatu keputusan dasar dan ia masih tertakluk kepada kelulusan yang diberikan secara muktamad. Ini berdasarkan kepada surat daripada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang kepada Beta Exclusive Construction Sdn Bhd bertarikh 30 Jun 2016 di halaman 144 hingga 148 di KM 3 dan 4 yang terdapat syarat-syarat kelulusan iaitu di perenggan 2(t) surat tersebut yang menyatakan seperti berikut:

> (t) Kelulusan ini merupakan kelulusan dasar yang mana kelulusan muktamad yang akan dilesenkan adalah bergantung kepada semakan yang akan dijalankan oleh Pejabat Hutan Daerah.

[23] Jika diteliti kepada surat tersebut, ia adalah berkaitan dengan kelulusan kawasan pembalakan yang diberikan kepada KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah seluas ± 60,000 ekar. Namun demikian,

sekiranya diteliti kepada warkah sembah maklum daripada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang kepada KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah bertarikh 13 November 2015 di halaman 109 hingga 110 KM 3 dan 4, tiada sebarang syarat seperti di perenggan 2(t) tersebut dinyatakan. Begitu juga dengan surat daripada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang kepada Pengelola Bijaya DiRaja KDYMM Sultan Pahang bertarikh 28 November 2017 di halaman 151 hingga 155 KM 3 dan 4 iaitu pindaan pelan kelulusan pembalakan kepada KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah juga tidak didapati syarat di perenggan 2(t) di atas.

[24] Oleh itu, pada hemat mahkamah, ia menunjukkan pada kali pertama kelulusan kawasan pembalakan tersebut diberikan kepada KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, tiada syarat seperti di perenggan 2(t) surat tersebut. Ia hanya timbul setelah berlakunya kerja-kerja di kawasan pembalakan tersebut yang pertama kalinya dilihat tertera pada surat kepada Beta Exclusive Construction Sdn Bhd bertarikh 30 Jun 2016. Oleh yang demikian, syarat di perenggan 2(t) tidak terdapat pada kelulusan yang telah disembahmaklumkan kepada KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah melalui warkah pada 13 November 2015.

[25] Adalah tidak dinafikan dalam warkah tersebut dinyatakan bahawa permohonan untuk mendapatkan kawasan pembalakan tersebut telah diluluskan secara dasar seluas ± 60,000 ekar. Penelitian kepada warkah tersebut juga tidak memperincikan kawasan pembalakan tersebut. Ia jelas menunjukkan pemberian kawasan pembalakan tersebut tidak tertakluk kepada syarat '(t)' tersebut. Dalam erti kata lain, syarat '(t)' tersebut tidak berkaitan dengan kelulusan asal kawasan pembalakan kepada KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

[26] Sebaliknya, ia timbul apabila terdapat permohonan berkaitan dengan Hutan Simpan Berkelah, Mukim Chenor, Daerah Maran yang melibatkan Beta Exclusive Construction Sdn Bhd seperti yang terdapat di halaman 187 KM 3 dan 4 tersebut. Ini dapat dilihat dalam kandungan surat itu sendiri yang menyatakan antara lain:

> 2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan YH. Dato' tersebut adalah diluluskan secara dasar di Hutan Simpan Berkelah, Mukim Chenor, Daerah Temerloh seluas ± 1,312.30 ha seperti bertanda keliling merah dalam pelan berkembar. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada laporan serta penilaian Pegawai Hutan Daerah Rompin mengenai kawasan tersebut khususnya yang berkaitan dengan kepentingan perhutanan, sivilkultur, alam sekitar dan giliran tebangan kompartment. Syarat-syarat kelulusan adalah seperti berikut:
>
> (a) Diluluskan dengan Lesen Borang 1;
>
> (b) ...
>
> (c) ...
>
> (d) ..

A (e) ...
(f) ...
(g) ...
(h) ...
(i) ...
B (j) ...
(k) ...
(l) ...
(m) ...
C (n) ...
(o) ...
(p) ...
(q) ...
(r) ...
D (s) ...
(t) Kelulusan ini merupakan kelulusan dasar yang mana kelulusan muktamad yang akan dilesenkan adalah bergantung kepada semakan yang akan dijalankan oleh Pejabat Hutan Daerah.
(u) ...

E **[27]** Penelitian kepada keputusan responden kedua dan responden ketiga membatalkan kelulusan kawasan pembalakan tersebut melalui surat bertarikh 14 Disember 2023 seperti yang terdapat di halaman 92 hingga 97 KM 3 dan 4 menunjukkan bahawa kawasan yang dibatalkan adalah di Hutan Simpan Berkelah, Mukim Chenor di sebahagian daripada kompartmen 75 F dan 88 seluas ± 260.22 hektar, kompartmen 87 dan 88 seluas ± 245.90 hektar dan kompartmen 89, 90 dan 102 seluas ± 343.79 hektar. Kesemua pembatalan tersebut adalah merujuk kepada kawasan pembalakan yang telah dinyatakan di dalam surat pindaan pelan kelulusan kawasan pembalakan bertarikh 28 November 2017.

G **[28]** Oleh yang demikian, adalah sukar untuk menyatakan bahawa disebabkan kelulusan yang diberikan oleh responden kedua dan responden ketiga adalah tidak muktamad dan tertakluk kepada keluasan muktamad yang akan dilesenkan, maka responden pertama boleh membatalkan kelulusan tersebut. Penelitian kepada dokumen-dokumen di atas menunjukkan bahawa H terdapat dua keadaan yang berbeza iaitu:

(i) kelulusan pembalakan yang diberikan oleh responden kedua dan responden ketiga seperti yang terdapat di warkah kepada KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang tidak mempunyai I syarat '(t)'; dan

(ii) kebenaran kelulusan kepada Beta Exclusive Construction Sdn Bhd ekoran daripada permohonan yang dibuat pada 19 Januari 2016 seperti yang dinyatakan di dalam surat bertarikh 30 Jun 2016 iaitu di halaman 187 KM 3 dan 4.

[29] Dalam kes ini, mahkamah berpendapat perkara yang menjadi isu ialah kelulusan yang telah diberikan kepada KDYMM Sultan Pahang pada 13 November 2015 yang kemudiannya dizahirkan butirannya di dalam surat kepada Pengelola Bijaya DiRaja KDYMM Sultan Pahang pada 28 November 2017 di halaman 151 hingga 155 KM 3 dan 4. Ini bermakna bagi kelulusan tersebut tidak terdapat syarat '(t)' yang dinyatakan di atas. Ia adalah dapat disahkan apabila kedua-dua surat tersebut dikemukakan kepada Pengelola Bijaya DiRaja KDYMM Sultan Pahang dan surat pembatalan bertarikh 14 November 2023 juga diutuskan kepada Pengelola Bijaya DiRaja KDYMM Sultan Pahang.

[30] Ini bermakna mahkamah perlu membezakan di antara kelulusan kawasan pembalakan kepada KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dalam kawasan pembalakan tersebut dengan kelulusan lesen pembalakan kepada Beta Exclusive Sdn Bhd yang akhirnya diusahakan oleh pihak pemohon-pemohon.

[31] Hal ini perlu difahami oleh mahkamah kerana Akta Perhutanan Negara 1984 mempunyai peruntukan-peruntukan yang perlu diberikan perhatian untuk diteliti. Ini adalah disebabkan terdapat peruntukan yang berbeza berkenaan dengan lesen dan perkara-perkara yang berkaitan dengan syarat-syarat lesen.

[32] Adakah lesen untuk pemegang lesen itu adalah merujuk kepada orang yang diberikan kebenaran untuk pembalakan? Bagi memahami perkara ini adalah wajar untuk mahkamah ini menelusuri peruntukan yang berkaitan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984. Seksyen 2 Akta tersebut telah memberikan takrifan berkenaan dengan lesen seperti yang berikut:

"lesen" ertinya suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Bab 2 Bahagian IV

[33] Sementara itu, jika diteliti kepada s. 16 Akta yang sama telah memperihalkan berkenaan dengan kuasa untuk mengeluarkan lesen seperti yang berikut:

16 Kuasa untuk mengeluarkan lesen, permit penggunaan, dsb., dengan cara tender, perjanjian, dsb.

Sesuatu kebenaran:

(a) untuk mengambil hasil hutan dari hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan dengan cara lesen atau lesen kecil; atau

(b) untuk menduduki atau menjalankan apa-apa aktiviti atas mana-mana tanah hutan simpanan kekal dengan cara permit penggunaan,

boleh diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri:

(aa) selepas ia menyebabkan supaya dipelawa tender mengenainya;

(bb) selepas ia merundingkan suatu perjanjian mengenainya; atau

(cc) mengikut apa-apa cara lain atau melalui apa-apa proses lain sebagaimana difikirkannya patut dalam hal keadaan sesuatu kes tertentu.

[34] Penelitian kepada Bab IV di dalam Akta Perhutanan Negara 1984 mendapati ia merujuk kepada tatacara pengurusan dan pembangunan hutan. Ia tidak berkaitan dengan penganugerahan kawasan pembalakan.

[35] Sementara itu, di bawah s. 17 dan s. 18 Akta Perhutanan Negara 1984 telah diperuntukkan berkenaan dengan perlanjutan, pembatalan lesen, lesen kecil atau permit. Begitu juga kuasa untuk melesenkan pengambilan hasil hutan daripada hutan simpan yang terdapat di bawah s. 19 Akta yang sama. Pada masa yang sama, s. 20 Akta tersebut telah memperihalkan perkara-perkara yang perlu dipenuhi sebelum sesuatu lesen dikeluarkan untuk pengambilan hasil hutan. Seksyen 20 dan 21 Akta Perhutanan Negara 1984 menyatakan seperti yang berikut:

20 Kehendak yang perlu dipenuhi oleh pemohon

Melainkan jika dikecualikan oleh Pihak Berkuasa Negeri, sebelum sesuatu lesen dikeluarkan, Pengarah boleh menghendaki pemohon membuat mana-mana atau kesemua perkara yang berikut:

(a) menandakan di atas tanah itu sempadan kawasan atau sebahagian daripadanya yang diliputi oleh lesen tersebut, kedudukan dan keluasannya hendaklah ditentukan oleh Pengarah mengikut peruntukan lesen itu, yang kendalian akan dijalankan oleh pemohon apabila menjadi pemegang lesen;

(b) menyediakan:

(i) rancangan pengurusan hutan atau rancangan mengusaha hasil hutan; dan

(ii) rancangan penghutanan semula mengikut cara yang dinyatakan oleh Pengarah;

(c) mendaftar dengan Pengarah suatu tanda harta yang diluluskan oleh Pengarah.

21 Tempoh, syarat dan bentuk lesen

(1) Kecuali setakat yang ditetapkan selainnya, tiap-tiap lesen hendaklah dikeluarkan bagi tempoh dua belas bulan dari tarikh keluarannya, dan, tertakluk kepada Seksyen 22, boleh dibaharui dari semasa ke semasa.

(2) Tiap-tiap lesen hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan yang terkandung di dalamnya dan, setakat yang tidak berlawanan dengannya, kepada mana-mana peruntukan lain yang ditetapkan.

(3) Tiap-tiap lesen hendaklah seperti dalam Borang 1 dan, dalam hal pembaharuan lesen, ia hendaklah diendors dengan suatu catatan mengenai pembaharuan itu serta tarikh tamat tempohnya yang dicadangkan.

[36] Adalah jelas dan nyata bahawa terdapat perbezaan di antara kuasa untuk memberikan kawasan pembalakan dengan penetapan syarat-syarat lesen dan prosedur permohonan lesen untuk mengeluarkan hasil hutan. Dalam kes ini, warkah daripada Pengarah Perhutanan Negeri Pahang kepada KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang telah meluluskan permohonan kawasan pembalakan pada hemat mahkamah tidak tertakluk kepada syarat yang dinyatakan kemudian berkenaan dengan pengeluaran lesen mengeluarkan hasil hutan.

[37] Adalah tidak dapat dinafikan bahawa kuasa perhutanan adalah terletak di bawah Kerajaan Negeri. Ini dapat dilihat di dalam Senarai Negeri di bawah Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

List II - State List

1 ...

2 ...

3. Except with respect to the Federal Territories of Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya, agriculture and forestry, including:

(a) ...

(b) forests.

[38] Oleh yang demikian, jika diteliti kepada Akta Perhutanan Negara 1984, dinyatakan bahawa ianya digubal mengikut fasal 1(b) per. 76 Perlembagaan Persekutuan. Ini dapat dilihat di dalam tajuk panjang Akta tersebut seperti yang berikut:

BAHAWASANYA adalah suai manfaat bagi maksud hanya untuk menentukan persamaan undang-undang bagi Negeri di Malaysia untuk membuat undang-undang mengenai pentadbiran, pengurusan dan pemuliharaan hutan dan pembangunan perhutanan:

OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Fasal (1)(b) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan, MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

[39] Fasal 1(b) per. 76 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan seperti yang berikut:

76 Power of Parliament to legislate for States in certain cases

(1) Parliament may make laws with respect to any matter enumerated in the State List, but only as follows, that is to say:

A (a) for the purpose of implementing any treaty, agreement or convention between the Federation and any other country, or any decision of an international organization of which the Federation is a member; or

(b) **for the purpose of promoting uniformity of the laws of two or more States; or**

B

(c) if so requested by the Legislative Assembly of any State.

(2) No law shall be made in pursuance of paragraph (a) of Clause (1) with respect to any matters of Islamic law or the custom of the Malays or to any matters of native law or custom in the States of Sabah and Sarawak and no Bill for a law under that paragraph shall be introduced into either House of Parliament until the Government of any State concerned has been consulted.

C

(3) Subject to Clause (4), a law made in pursuance of paragraph (b) or paragraph (c) of Clause (1) shall not come into operation in any State until it has been adopted by a law made by the Legislature of that State, and shall then be deemed to be a State law and not a federal law, and may accordingly be amended or repealed by a law made by that Legislature.

D

(4) Parliament may, for the purpose only of ensuring uniformity of law and policy, make laws with respect to land tenure, the relations of landlord and tenant, registration of titles and deeds relating to land, transfer of land, mortgages, leases and charges in respect of land, easements and other rights and interests in land, compulsory acquisition of land, rating and valuation of land, and local government; and Clauses (1)(b) and (3) shall not apply to any law relating to any such matter.

E

F

(penekanan ditambah)

[40] Pada hemat mahkamah ini, keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pahang untuk meluluskan permohonan KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah bukan menjadi isu. Ini adalah disebabkan di dalam warkah tersebut telah dinyatakan bahawa penetapan kawasan pembalakan akan ditetapkan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Pahang. Ia kemudian disusuli dengan penetapan kawasan pembalakan yang dibuat oleh Pengarah Perhutanan Negeri. Hal ini telah diserlahkan di dalam warkah tersebut. Apa yang jelas ialah segala urusan berkaitan dengan kawasan pembalakan tersebut adalah berasaskan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pahang yang meluluskan permohonan KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

G

H

[41] Oleh yang demikian, sebarang pembatalan yang dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pahang berkaitan dengan kawasan pembalakan tersebut hendaklah dilakukan dengan sewajarnya. Mahkamah ini tidak wajar untuk mempertikaikan atau mempersoalkan keputusan yang dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pahang berkenaan

I

dengan pembatalan kelulusan tersebut. Ia adalah berada di dalam wewenang dan bidang kuasa serta budi bicara Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pahang. Apa yang menjadi persoalan dalam kes ini adakah proses membuat keputusan tersebut adalah rasional, sah dan setimpal yang menjadi asas kepada penentuan permohonan semakan kehakiman ini.

[42] Seterusnya, mahkamah ini perlu mempertimbangkan hujahan pihak responden yang menyatakan bahawa kelulusan itu adalah kelulusan dasar dan bukannya suatu yang muktamad dalam konteks ss. 16, 19, 20 dan 22 Akta Perhutanan Negara 1984. Ini mencadangkan bahawa terdapatnya perbezaan di antara Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pahang melalui warkah Pengarah Perhutanan Negeri Pahang kepada KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang mengesahkan bahawa tanah-tanah tersebut telah dibenarkan untuk pembalakan dengan ss. 16, 19, 20 dan 22 Akta Perhutanan Negara 1984. Hal tersebut, pada hemat mahkamah, perlu dipertimbangkan oleh mahkamah ini sekiranya mahkamah berpendapat keputusan untuk kelulusan tersebut adalah suatu yang tidak muktamad dan hanya keputusan dasar. Ia akan menyebabkan tidak timbul lagi pemohon-pemohon mempunyai harapan yang sah terhadap kawasan pembalakan tersebut walaupun pihak pemohon telah mengambil tindakan dengan mengusahakan kawasan tersebut dan terlibat secara langsung dalam proses mengeluarkan kayu-kayu balak tersebut.

[43] Mahkamah ini berpendapat bahawa kelulusan yang diberikan melalui warkah kepada Pengelola Bijaya DiRaja KDYMM Sultan Pahang tersebut bukannya merupakan kelulusan bersyarat. Ia tidak boleh dijadikan alasan untuk menyatakan bahawa disebabkan ianya satu kelulusan bersyarat, maka ia boleh dibatalkan dengan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira sama ada ianya adalah sesuatu yang munasabah atau wajar dilakukan.

Alasan Pembatalan

[44] Apa yang menjadi persoalan dan penelitian dalam kes ini ialah adakah keputusan tersebut dibuat dengan mengambil kira prinsip undang-undang yang sewajarnya. Alasan yang diberikan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pahang yang dicerminkan melalui surat bertarikh 14 Disember 2023 adalah disebabkan aduan orang awam berkenaan dengan kualiti air Sungai Jempol dalam Taman Eko Rimba (TER) Lubuk Yu. Ia juga ekoran daripada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pahang mewartakan sebahagian daripada kawasan Hutan Simpan Berkelah, Mukim Chenor, Daerah Maran sebagai Hutan Taman Negeri Lubuk Yu.

[45] Dalam afidavit jawapan responden telah dilampirkan laporan berkenaan dengan pencemaran yang melibatkan kawasan yang diberikan kelulusan pembalakan tersebut. Ia dapat dilihat melalui eksh. 'NMF-6' afidavit Nik Muhammad Faris bin Nik Othman. Penelitian kepada ekshibit tersebut menunjukkan bahawa terdapat laporan dan syor yang dikemukakan

A oleh Pegawai Hutan Daerah Temerloh/Bera. Misalnya, surat bertarikh 28 Jun 2018 dinyatakan pada perenggan 2.11 berkenaan dengan ulasan dan syor yang di antara lain menyatakan bahawa kelulusan diberikan bagi kawasan pembalakan di kawasan tersebut berkemungkinan besar akan menyebabkan kualiti air akan terjejas ke kawasan pelancongan. Sekiranya
B kawasan ini dijalankan untuk aktiviti tebang habis dan dijadikan kawasan untuk penumbuhan ladang hutan adalah tidak disyorkan. Laporan ini disediakan oleh Pegawai Hutan Daerah Temerloh/Bera, Azqan Dalila binti Ahmad Tajudin. Laporan tersebut adalah berkaitan dengan kawasan Kompartmen, HSK: Kompt. 89, 90 & 102 - Hutan Simpan Berkelah, Mukim
C Chenor, Daerah Temerloh.

[46] Begitu juga dengan laporan bertarikh 28 Jun 2018 disediakan oleh Pegawai Hutan Daerah Temerloh/Bera yang sama menyatakan bahawa sekiranya kawasan pembalakan tersebut diluluskan berkemungkinan besar akan menyebabkan kualiti air akan terjejas ke kawasan pelancongan tersebut.
D Adalah juga disyorkan oleh Pejabat Hutan Daerah Temerloh/Bera bahawa perhatian perlu diberikan terhadap pematuhan kepada MC & I SFM (Hutan Asli) diperketatkan seperti zon penampan sungai.

[47] Pada masa yang sama, mahkamah juga merujuk surat yang dikemukakan oleh Pejabat Hutan Daerah Temerloh/Bera bertarikh 21 Mac
E 2022 yang memaklumkan bahawa kelulusan bagi kerja-kerja penandaan dan sempadan kawasan akan dimaklumkan kepada Benefit Circle Sdn Bhd sekiranya telah mendapat keputusan daripada Kerajaan Negeri. Surat ini terdapat di dalam eksh. 'NMF-5'.

F **[48]** Apa yang lebih menarik ialah di ekshibit 'NMF-7' apabila dilampirkan beberapa petikan berita yang tertera Jabatan Alam Sekitar Malaysia yang menyatakan "*Pengunjung Kecewa Sungai Lubuk Yu Ibarat Teh Tari*k". Begitu juga telah dilampirkan dalam ekshibit tersebut satu pembentangan bertajuk "*Potensi Lembangan Lubuk Yu Sebagai Taman Geologi (Geopark), Pahang*" yang dibentangkan oleh Prof Emeritus Dato' Dr Ibrahim
G Komoo.

[49] Penelitian kepada ekshibit-ekshibit yang dinyatakan di atas bersama-sama dengan afidavit jawapan responden-responden dapat difahami bahawa responden-responden ingin menegaskan bahawa pembatalan kelulusan pembalakan tersebut adalah sesuatu yang wajar. Ia berdasarkan laporan-
H laporan berkenaan dengan pencemaran di kawasan tersebut dan juga berdasarkan kepada syor-syor yang dicadangkan. Oleh itu adalah tidak tepat untuk pihak pemohon menyatakan bahawa pembatalan tersebut telah dibuat secara tidak rasional, tidak setimpal dan tidak wajar.

I **[50]** Penelitian kepada laporan yang disediakan oleh Pegawai Hutan Daerah Temerloh/Bera tersebut dibuat pada tahun 2018. Namun demikian, terdapat perhubungan di antara pihak pemohon dengan responden keempat

melalui surat bertarikh 15 Januari 2020, 27 Julai 2020, 25 Februari 2022 dan 21 Mac 2022 berkenaan dengan kelulusan dan lesen untuk melakukan aktiviti pembalakan di kawasan tersebut. Ini bermakna setelah ada syor yang dikemukakan dan pembentangan berkenaan dengan kawasan Lubuk Yu tersebut, pihak responden masih berurusan dengan pihak pemohon. Responden kedua hanya mengemukakan surat pembatalan tersebut kepada Pengelola Bijaya DiRaja KDYMM Sultan Pahang pada 14 Disember 2023 iaitu hampir tiga tahun selepas syor-syor tersebut dikemukakan oleh pihak yang bertanggungjawab.

[51] Oleh itu, pada hemat mahkamah adalah sukar untuk mahkamah menerima hujahan bahawa pembatalan tersebut adalah sesuatu yang munasabah dan wajar. Sekiranya pihak responden berpendapat bahawa penerusan aktiviti pembalakan di kawasan tersebut akan menjejaskan alam sekitar dan kawasan yang berhampiran, maka sewajarnya pembatalan tersebut dilakukan pada masa yang lebih awal dan tidak menyebabkan pemohon-pemohon terpaksa mengeluarkan perbelanjaan dan mendapatkan kebenaran pihak berkuasa bagi meneruskan aktiviti pembalakan tersebut. Adalah tidak wajar setelah tiga tahun selepas segala apa yang dilakukan oleh pemohon-pemohon pembatalan tersebut dilakukan.

[52] Adalah jelas dan nyata bahawa dalam sesuatu prosiding semakan kehakiman bukan keputusan yang dibuat oleh badan awam itu disemak. Sebaliknya, semakan kehakiman adalah terhadap proses yang melibatkan keputusan tersebut dibuat. Dalam kes ini, keputusan yang dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pahang bukan merupakan hal perkara dalam semakan kehakiman ini. Ini adalah disebabkan adalah di dalam wewenang Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pahang untuk membuat apa-apa dasar yang melibatkan hal ehwal Negeri Pahang Darul Makmur tertakluk kepada undang-undang yang berkaitan dengannya. Ini adalah sejajar dengan kes *Kesultanan Pahang v. Sathask Realty Sdn Bhd* [1998] 2 CLJ 559; [1998] 2 MLJ 513 yang menyatakan seperti berikut:

> In order to interfere by judicial review, the courts below must look for any illegality or irrationality or procedural impropriety in the decision-making process of the tribunal in arriving at its interpretation of s. 6(i)(b) of the Enactment, and not at the decision itself. If there was such defect in the decision-making process, then the court is of course obliged to set aside the whole decision, including any award of the tribunal.

[53] Sebaliknya, dalam kes ini adakah proses untuk membuat keputusan tersebut adalah wajar untuk suatu semakan kehakiman? Adakah ianya sesuatu yang tidak munasabah, tidak sah atau tidak setimpal. Perlu ditegaskan bahawa mahkamah ini tidak mempersoalkan wewenang Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pahang untuk membuat sesuatu keputusan. Jika ini dilakukan ia akan menyukarkan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri

Pahang untuk membuat keputusan berdasarkan kepentingan awam dan kepercayaan masyarakat yang telah memilih ahli-ahli Dewan Undangan Negeri melalui proses demokrasi yang membentuk Kerajaan dan sebahagian dilantik menjadi Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri.

[54] Jika mahkamah berbuat demikian, ia adalah suatu gangguan kepada Badan Eksekutif yang sah dan bercanggah dengan prinsip pemisahan kuasa Kehakiman, Perundangan dan Badan Eksekutif yang menjadi teras kepada sistem demokrasi yang diamalkan.

[55] Mahkamah adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa terdapatnya semak dan imbang di dalam keputusan tersebut. Ini dapat dilakukan dengan memastikan proses keputusan tersebut dilakukan mengikut undang-undang. Ini yang dinyatakan dalam kes *Pengarah Tanah Dan Galian, Wilayah Persekutuan v. Sri Lempah Enterprise Sdn Bhd* [1978] CLJU 143; [1978] 1 LNS 143; [1979] 1 MLJ 135 yang masih malar segar dan wajar dijadikan renungan dalam mempertimbangkan suatu permohonan semakan kehakiman dalam konteks tanggungjawab mahkamah dalam memastikan segala tindakan pihak berkuasa menghormati hak yang dijamin di bawah undang-undang. Di samping itu, ia menolak khayalan bahawa keputusan badan awam adalah sesuatu yang tidak mempunyai had seperti berikut:

> Unfettered discretion is a contradiction in terms. My understanding of the authorities in these cases, and in particular the case of *Pyx Granite* (*ante*) and its progeny compel me to reject it and to uphold the decision of the learned judge. It does not seem to be realised that this argument is fallacious. Every legal power must have legal limits, otherwise there is dictatorship. In particular, it is a stringent requirement that a discretion should be exercised for a proper purpose, and that it should not be exercised unreasonably. In other words, every discretion cannot be free from legal restraint; where it is wrongly exercised, it becomes the duty of the courts to intervene. The courts are the only defence of the liberty of the subject against departmental aggression. In these days when government departments and public authorities have such great powers and influence, this is a most important safeguard for the ordinary citizen: so that the courts can see that these great powers and influence are exercised in accordance with law. I would once again emphasise what has often been said before, that "public bodies must be compelled to observe the law and it is essential that bureaucracy should be kept in its place", (per Danckwerts L.J. in *Bradbury v. London Borough of Enfield* [1967] 3 All ER 434 442.)

Adakah Proses Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pahang Membatalkan Kawasan Pembalakan Adalah Tidak Rasional, Tidak Sah Dan Tidak Setimpal?

[56] Penelitian kepada afidavit-afidavit adalah didapati keputusan tersebut dibuat setelah kajian menunjukkan berlakunya pencemaran alam sekitar di kawasan tersebut dan sekelilingnya. Ia telah diwartakan sebagai kawasan yang mempunyai nilai pemeliharaan yang tinggi (high conservation value

forest [HCVF]). Adakah ianya tidak rasional? Ini adalah disebabkan keputusan tersebut dibuat untuk menjaga kelestarian alam yang menjadi sebahagian daripada tanggungjawab Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri. Sepintas lalu ia seolah-olah sesuatu yang teratur dan munasabah.

[57] Namun demikian, dalam kes ini, tiada sebarang petanda yang menunjukkan bahawa pihak pemohon telah dimaklumkan atau dirundingi untuk pembatalan tersebut. Pihak responden menyatakan ia tidak perlu dilakukan kerana kelulusan yang diberikan berkenaan dengan kawasan pembalakan itu bukannya muktamad. Ini bermakna pihak responden boleh membatalkan kelulusan tersebut tanpa perlu berunding dengan pihak pemohon. Ia adalah budi bicara pihak responden untuk menganugerahkan, membatalkan atau mengubah syarat-syarat kelulusan kawasan pembalakan tersebut. Pemohon-pemohon dikatakan tidak mempunyai kewajaran untuk mempersoalkannya.

[58] Pada hemat mahkamah ini, badan awam yang diberi amanah untuk mentadbir atau menguruskan hal ehwal masyarakat tidak boleh mengambil pendirian bahawa keputusan mereka adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan. Ini akan menyebabkan orang awam akan kemungkinan tertindas atau ditindas oleh badan awam seperti yang dinyatakan dalam kes *Pengarah Tanah Dan Galian, Wilayah Persekutuan v. Sri Lempah Enterprise Sdn Bhd* (*supra*) di atas.

[59] Dalam kes ini, penganugerahan kawasan pembalakan ini telah diberikan pada 13 November 2015 kepada KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, seterusnya kelulusan tersebut dimaklumkan kepada Beta Exclusive Construction Sdn Bhd melalui surat bertarikh 30 Jun 2016 dan kemudian keluasannya dipinda melalui surat bertarikh 28 November 2017. Ia telah dibatalkan pada 14 Disember 2023 dengan hanya keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pahang yang dizahirkan melalui surat kepada Pengelola Bijaya DiRaja KDYMM Sultan Pahang tanpa sebarang perundingan atau sembah maklum yang dizahirkan dan dapat dilihat melalui afidavit-afidavit yang difailkan pada hemat mahkamah ini adalah sesuatu yang tidak rasional.

[60] Pembatalan sesuatu keputusan adalah di dalam bidang kuasa badan awam tertentu namun ia hendaklah dilaksanakan setelah orang yang terkesan dengan keputusan tersebut dimaklumkan dan diberikan peluang untuk menzahirkan bantahan dan kepentingan mereka. Setelah ianya dipertimbangkan oleh badan awam tersebut dengan sewajarnya dan keputusan dibuat yang tidak berpihak kepada pemohon, maka ketika itu tidak dapat dikatakan keputusan tersebut tidak rasional. Ini tidak berlaku dalam kes ini.

[61] Pada masa yang sama, mahkamah tidak boleh mengetepikan hujahan responden bahawa pemohon-pemohon atau Almarhum KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah masih belum diberikan kawasan

pembalakan tersebut. Oleh itu, responden boleh membatalkan kelulusan tersebut. Mahkamah tidak dapat bersetuju dengan hujahan tersebut. Ini ditambah pula pihak yang diberikan kawasan pembalakan itu adalah Almarhum KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan bukannya pemohon-pemohon dalam kes ini. Mahkamah ini berpendapat sesuatu keputusan yang melibatkan kepentingan individu tidak wajar dilakukan dengan membelakangkan pihak yang berkepentingan. Mahkamah bertanggungjawab untuk memastikan segala proses membuat keputusan dilakukan hendaklah mematuhi prosedur dan bukannya sesuatu yang tidak rasional dan tidak sah dan tidak setimpal seperti yang dinyatakan dalam prinsip "*Wednesbury*" yang sudah mantap itu. Bak kata pepatah Melayu "Jangan diajar anak harimau makan daging".

[62] Seyogia diberikan perhatian, dalam kes ini bahawa kelulusan kawasan pembalakan tersebut telah disembah maklum kepada KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah adalah tidak munasabah untuk pembatalannya dilakukan dengan hanya mengutuskan lembaran surat kepada Pengelola Bijaya DiRaya KDYMM Sultan Pahang mengenai keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri. Penghormatan yang tinggi kepada Institusi DiRaja perlu digambarkan melalui kesantunan dan kesopanan yang tinggi semasa berurusan dengan hal ehwal yang melibatkan KDYMM Sultan dan Institusi DiRaja sebagai tonggak utama Kerajaan. Ini adalah disebabkan sebarang tindakan yang dilakukan tanpa pertimbangan yang rasional atau wajar boleh menjejaskan Institusi DiRaja yang berkemungkinan telah membuat komitmen kepada pihak ketiga yang terlibat dalam kawasan yang diluluskan untuk pembalakan tersebut. Ini secara tidak langsung akan menjejaskan kedudukan dan keistimewaan serta penghormatan yang tertinggi kepada Institusi DiRaja.

[63] Institusi DiRaja adalah ibarat payung yang memayungi rakyat dan mempunyai kemuliaan yang perlu dipermuliakan. Oleh itu sebarang tindakan yang melibatkan Institusi DiRaja tidak wajar dilakukan sehingga boleh dilihat sebagai tindakan mencarikkan payung tersebut dan mencalarkan kemuliaan dan kehormatan Institusi DiRaja. Ia wajar dielakkan daripada dilakukan oleh pacal-pacal yang berurusan dengan pihak Istana.

[64] Penelitian kepada afidavit-afidavit yang difailkan oleh pihak-pihak tidak sekali-kali menunjukkan bahawa telah ada gantian kepada kawasan pembalakan yang telah dibatalkan oleh keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri. Ini bermakna isi kandungan surat pembatalan tersebut berkenaan dengan gantian kawasan pembalakan tersebut tidak dizahirkan atau dilaksanakan. Malahan, hujahan pihak-pihak menunjukkan bahawa pemohon-pemohon diminta untuk mendapatkan kawasan yang akan dijadikan gantian kepada kawasan yang telah dibatalkan kelulusan pembalakannya. Pada hemat mahkamah ini adalah tidak munasabah untuk pemohon-pemohon dibebankan dengan usaha pencarian kawasan yang sesuai bagi menggantikan kawasan pembalakan yang telah dibatalkan. Sebaliknya,

responden-responden yang sewajarnya mendapatkan kawasan-kawasan pembalakan yang baharu bagi menggantikan kawasan pembalakan yang telah dibatalkan. Ini bagi menzahirkan dan melaksanakan isi kandungan surat pembatalan tersebut.

[65] Dalam kes ini pemohon-pemohon telah terlibat di dalam urusan berkenaan dengan kawasan pembalakan tersebut dengan responden keempat di antaranya seperti yang berikut:

(i) surat bertarikh 27 Julai 2020 - Permohonan Sambung Permit Masuk Hutan Untuk Mencuci Jalan Lama Sedia Ada Ke Kawasan Kelulusan Pembalakan Kepada KDYMM Sultan Pahang Seluas ± 849.91 Hektar;

(ii) surat bertarikh 15 Januari 2020 - Permohonan Untuk Mencuci Jalan Lama Sedia Ada Ke Kawasan Kelulusan Pembalakan Kepada KDYMM Sultan Pahang Seluas ± 849.91 Hektar;

(iii) surat bertarikh 25 Februari 2022 - Permohonan Untuk Mendapatkan Pengesahan Bagi Kerja-Kerja Penandaan Dan Sempadan Kawasan

Di Blok A : Kompt 75 & 88 Seluas : ± 260.22 Hektar

B : Kompt 87 & 88 Seluas : ± 245.90 Hektar

C : Kompt 89 & 90 Seluas : ± 343.79 Hektar

Hutan Simpan Berkelah, Mukim Chenor, Daerah Temerloh, Pahang Darul Makmur

Seluas : 849.91 hektar - KDYMM Sultan Pahang

(iv) surat bertarikh 21 Mac 2022 - Permohonan Untuk Mendapatkan Pengesahan Bagi Kerja-Kerja Penandaan Dan Sempadan Kawasan

Di Blok A : Kompt 75 & 88 Seluas : ± 260.22 Hektar

B : Kompt 87 & 88 Seluas : ± 245.90 Hektar

C : Kompt 89 & 90 Seluas : ± 343.79 Hektar

Hutan Simpan Berkelah, Mukim Chenor, Daerah Temerloh, Pahang Darul Makmur

Seluas : 849.91 hektar - KDYMM Sultan Pahang.

Harapan Yang Sah (Legitimate Expectation)

[66] Mahkamah sedar bahawa sesuatu semakan kehakiman boleh dibuat sekiranya terdapat keadaan di mana pemohon mempunyai harapan yang sah (legitimate expectation). Ia telah diperkenalkan oleh Lord Denning dalam kes *Schmidt And Another v. Secretary Of State For Home Affairs* [1969] 2 Ch 149 seperti yang berikut:

A The third point is whether there is any ground for saying that the Home Secretary did not observe the precepts of natural justice. Mr Quintin Hogg submitted that the Minister ought to have given the students a hearing before he refused to extend their stay in this country. I see no basis for this suggestion I quite agree, of course, that where a public officer has power to deprive a person of his liberty or his property, the general B principle is that it is not to be done without his being given an opportunity of being heard and of making representations on his own behalf. But in the case of aliens, it is rather different: for they have no right to be here except by licence of the Crown. And it has been held that the Home Secretary is not bound to hear representations on their behalf, even in the case of a deportation order, though, in practice he usually does so. It was C so held in *Rex v. Leman Street Police Station Inspector and Secretary of State for Home Affairs, Ex parte Venicoff* [1920] 3 K.B. 72, which was followed by this court in *Soblen*'s case [1963] 2 Q.B. 243. Some of the judgments in those cases were based on the fact that the Home Secretary was exercising an administrative power and not doing a judicial act. But that distinction is D no longer valid. The speeches in *Ridge v. Baldwin* [1964] A.C. 40 show that an administrative body may, in a proper case, be bound to give a person who is affected by their decision an opportunity of making representations. It all depends on whether he has some right or interest, or, I would add, some legitimate expectation, of which it would not be fair to deprive him without hearing what he has to say.

E **[67]** Sementara itu, di negara ini, Mahkamah Rayuan dalam kes *Darahman Ibrahim & Ors v. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis & Ors* [2008] 4 CLJ 538 telah menghuraikan secara mendalam prinsip harapan yang sah dan perkembangannya seperti yang berikut:

F [50] The principle of legitimate expectation was first perceived by Lord Denning MR in *Schmidt v. Secretary of State for Home Affairs* [1969] 2 Ch 149, CA to denote something less than a right which may nevertheless be protected by the principles of natural justice. Put in another way, a legitimate expectation amounts to an expectation of receiving some benefit or privilege to which the individual has no right. G It has been used by the courts on numerous occasions and in different contexts with the result that "there are many semantic confusions which have bedevilled this area of our law" (per Simon Brown LJ, in *R v. Devon County Council, ex p. Baker* [1995] 1 All ER 73, CA). In the words of Taylor J, in *R v. Secretary of State for the Home Department, ex p. Ruddock* [1987] 2 All ER 518, "the doctrine of legitimate expectation in essence imposes H a duty to act fairly." The duty to act fairly applies in the context of legitimate procedural expectations as demonstrated by the case of *R v. Liverpool Corpn, ex p. Liverpool Taxi Fleet Operators' Association* [1972] 2 QB 299, CA. In *R v. Secretary of State for the Home Department, ex p. Ruddock* (*supra*), the substantive benefit was that individuals not falling within the government's published criteria for telephone tapping would not have I their telephone calls intercepted by the security services.

[51] I venture to say that even where no promise of a benefit has been made and there is no established practice of granting that benefit, the person concerned is, elementarily, entitled to be treated fairly. Thus,

stall-holders in a market are entitled to be consulted before charges are increased (*R v. Birmingham C C ex p. Dredger* [1993] COD 340). But residents in an old people's home to whom no promise of consultation has been made need not be consulted before the local authority closes the home (*R v. Devon County Council ex p. Baker* (*supra*) at p. 89 adopting the approach of *AG for New South Wales v. Quin* [1990] 93 ALR 1 at 39).

[52] Whether an expectation exists, is clearly a question of fact. So, if a person did not expect anything, then there is nothing that the doctrine of legitimate expectation can protect. Here, the appellants expected the respondents to keep to their promises and so the appellants expect that the doctrine of legitimate expectation to protect them and the said doctrine can be invoked to protect them. As I said, the statement of claim made reference to the doctrine of legitimate expectation and I must give effect to it in this judgment. But if a person is unaware of an undertaking made by a public authority, then he cannot expect compliance with that undertaking (*Chundawara v. Immigration Appeal Tribunal* [1988] Imm AR 161, where an unincorporated but ratified treaty of which the claimant was unaware could not found legitimate expectation). A taxpayer, for instance, must rely upon a representation from the Revenue before his expectation will be protected (*R v. Inland Revenue Commissioners ex p Matrix-Securities Ltd* [1994] 1 WLR 334). But taxpayers seeking revenue clearance for their proposals must make full disclosure before the revenue's assurances will be binding (*R v. Inland Revenue Commissioners ex p. MFK Underwriting Agencies Ltd* [1990] 1 WLR 1545).

[68] Mahkamah Agung dalam kes *John Peter Berthelsen v. Director-General Of Immigration Malaysia & Ors* [1986] 2 CLJ 409; [1986] CLJ (Rep) 160; [1987] 1 MLJ 134, setelah merujuk kepada keputusan Megarry VC dalam kes *McInnes v. Onslow-Fane & Anor* [1978] 1 WLR 1520 dalam menyatakan keadaan di mana mahkamah berhak untuk campur tangan di dalam keputusan pihak berkuasa pentadbiran menyatakan seperti yang berikut:

Third, there is an intermediate category, which he termed the expectation cases, which differ from the application cases only in that the applicant has some legitimate expectation from what has already happened that his application will be granted. This head includes cases where an existing licence-holder applies for a renewal of his licence, or a person already elected or appointed to some position seeks confirmation from some confirming authority.

[69] Mahkamah juga merujuk kepada artikel bertajuk *Abdoolcader SCJ, Legitimate Expectation and Locus Standi: A Note* [1994] 3 MLJ liv oleh Wan Azlan Ahmad dan Mohsin Hingun yang membincangkan isu harapan yang sah dan *locus standi* ekoran daripada keputusan dalam kes *JP Berthelsen v. Director-General Of Immigration, Malaysia & Ors* (*supra*) seperti yang berikut:

In *Berthelsen*, the appellant's employment pass, issued under reg. 19 of the Immigration Regulations 1963, was terminated on the ground that he had contravened or failed to comply with the terms of its issuance, and that

A his continued presence in the country would be prejudicial to the security of the country. The appellant was not given a hearing before the pass was revoked and the Supreme Court, rightly, emphasized the nature of judicial review: that the decision to cancel the permit was an executive discretion which as far as merit is concerned, remains outside the purview of the courts. While this discretion is one for the executive, it remains a
B discretion to be exercised according to law. Fundamental in this respect is the operation of the rules of natural justice, and we may also add, they include what are now established components of these common law procedural safeguards: the doctrine of legitimate expectation and the duty to act fairly.

C **[70]** Harapan yang sah (legitimate expectation) adalah berasal daripada prinsip German yang dikenali sebagai "*Principal of Vertrauenschutz – the protection of promises and of trust in the administration*". Ini telah dinukilkan oleh C Forsyth dalam artikelnya bertajuk *The Provenance And Protection Of Legitimate Expectation* [1988] CLJ 238. Di bawah undang-undang Inggeris
D terdapat dua harapan yang sah iaitu satu yang dikenali sebagai harapan yang sah substantif (substantive legitimate expectation) dan kedua adalah harapan yang sah prosedur (procedural legitimate expectation). Perbincangan berkenaan dengan kedudukan harapan yang sah substantif (substantive legitimate expectation) dinyatakan oleh Professor Alison L Young di dalam
E artikelnya *Stuck At A Crossroad? Substantive Legitimate Expectations In English Law* [2021] Cambridge Law Journal (CLJ) 179.

[71] Dalam konteks harapan yang sah prosedur (procedural legitimate expectation) rumusan yang dibuat oleh Lord Carnwath di dalam kes *R (On The Application Of Gallaher Group Ltd And Others) v. The Competition And*
F *Markets Authority* [2019] AC 96 menjelaskan seperti yang berikut:

> 38 In *Ex p Unilever pic* the Court of Appeal held that the revenue should not be permitted without warning to apply a strict time limit for submission of claims to loss relief, when to do so departed from a practice accepted by them without objection for some 20 years. The judge
G (Macpherson of Cluny J) had held that the revenue's conduct amounted to "a representation in *Preston* terms", or, if not, had led to "unfairness" and "an abuse of power": p 689. In the Court of Appeal the main issue seems to have been whether the taxpayer could succeed in the absence of a representation by the revenue which was "clear, unambiguous and devoid of relevant qualification", as stated in previous Court of Appeal
H authority: p 693. Bingham MR held that, on "the unique facts" of the case, to reject the claims was "so unfair as to amount to an abuse of power" (p 691), and "so unreasonable as to be, in public law terms, irrational": p 692.
>
> 39 In a concurring judgment, Simon Brown LJ, at pp 693-695, under the
I heading "Legitimate expectation or nothing?", sought to relate the case more directly to Lord Diplock's famous definition of irrationality as a

decision "so outrageous in its defiance of logic or of accepted moral standards that no sensible person who had applied his mind to the question to be decided could have arrived at it": *Council of Civil Service Unions v. Minister for the Civil Service* [1985] AC 374, 410. It was in that context that he introduced the idea of "conspicuous unfairness": He said [1996] STC 681, 694-696:

> 'Unfairness amounting to an abuse of power' as envisaged in *Preston* and the other Revenue cases is unlawful not because it involves conduct such as would offend some equivalent private law principle, not principally indeed because it breaches a legitimate expectation that some different substantive decision will be taken, but rather because either it is illogical or immoral or both for a public authority to act with conspicuous unfairness and in that sense abuse its power.

"In short", he regarded the "MFK category of legitimate expectation" as "essentially but a head of *Wednesbury* unreasonableness": p 695A-B. On the facts of the case, he held, at p 697C, that the test was satisfied, observing that he could think of "no surer guide than Macpherson of Cluny J" in determining:

> the border between on the one hand mere unfairness-conduct which may be characterised as 'a bit rich' but nevertheless understandable-and on the other hand a decision so outrageously unfair that it should not be allowed to stand.

40 I have quoted at some length from these judgments to show how misleading it can be to take out of context a single expression, such as "conspicuous unfairness", and attempt to elevate it into a free-standing principle of law. The decision in *Ex p Unilever Plc* [1996] STC 681 was unremarkable on its unusual facts, but the reasoning reflects the case law as it then stood. Surprisingly, it does not seem to have been strongly argued (as it surely would be today) that a sufficient representation could be implied from the revenue's consistent practice over 20 years: see *eg* De Smith's Judicial Review, para 12-021. It seems clear in any event from the context that Simon Brown LJ was not proposing "conspicuous unfairness" as a definitive test of illegality, any more than his contrast with conduct characterised as "a bit rich". They were simply expressions used to emphasise the extreme nature of the Revenue's conduct, as related to Lord Diplock's test. In modern terms, and with respect to Lord Diplock, "irrationality" as a ground of review can surely hold its own without the underpinning of such elusive and subjective concepts as judicial "outrage" (whether by reference to logical or moral standards).

41 In summary, procedural unfairness is well-established and well-understood. Substantive unfairness on the other hand-or, in Lord Dyson MR's words [2016] Bus LR 1200, para 53, "whether there has been unfairness on the part of the authority having regard to all the circumstances"-is not a distinct legal criterion. Nor is it made so by the addition of terms such as "conspicuous" or "abuse of power". Such language adds nothing to the ordinary principles of judicial review,

notably in the present context irrationality and legitimate expectation. It is by reference to those principles that cases such as the present must be judged.

[72] Malahan, baru-baru ini, Mahkamah Rayuan di United Kingdom telah tidak membezakan di antara harapan yang sah prosedur dengan harapan yang sah substantif iaitu di dalam kes *R (On The Application Of MP) v. Secretary Of State For Health And Social Care* [2021] 1 All ER 326 seperti yang berikut:

> [51] Mr Coppel argued that procedural and substantive legitimate expectation need to be distinguished. On that footing, he submitted that the key authorities in the context of the present appeal are those dealing with the former, such as *CCSU*, *BAPIO* and *Brooke Energy*, and, as regards the last of these, he observed that the case was a bad one on the facts and that there was no reference in the judgments to either *CCSU* or *BAPIO*. The upshot, Mr Coppel maintained, is that a procedural legitimate expectation can be established by showing a 'sufficiently settled and uniform practice'. There is, he said, no need for a practice to be 'unequivocal', and the Judge erred in law in approaching matters on the basis of such a requirement and by ignoring the qualifier 'sufficiently' before 'settled and uniform practice'.
>
> [52] In my view, however, the distinction which Mr Coppel sought to draw between procedural and substantive legitimate expectation is not justified. Mr Palmer argued that cases concerned with substantive legitimate expectation are also of relevance when considering procedural legitimate expectation, and I agree. The 'clear, unambiguous and devoid of relevant qualification' formula first appeared when it was as yet still controversial whether legitimate expectation extended to substantive rather than merely procedural benefits and it and its analogues have not hitherto been held to apply only to substantive legitimate expectation. In fact, Flaux LJ referred to a practice needing to be 'clear, unequivocal and unconditional' in *Brooke Energy*, a consultation case, and the Court of Appeal spoke of the 'fundamental ingredients' of procedural and substantive legitimate expectation being the same in *Heathrow Hub*. It is true that in Badger Trust Bean LJ said that a 'representation or promise which is clear, unambiguous and devoid of relevant qualification' is a requirement for establishing a substantive legitimate expectation, but he had no occasion to comment on whether procedural legitimate expectation also requires such a representation or promise.
>
> [53] The correct position appears to me to be as follows:
>
> (i) An express promise, representation or assurance needs to be 'clear, unambiguous and devoid of relevant qualification' to give rise to any legitimate expectation, whether substantive or procedural;
>
> (ii) A practice must be tantamount to such a promise if it is to found any legitimate expectation. It may be, as Sedley LJ said in *BAPIO*, that a practice does not have to be entirely unbroken, but it does have to be so consistent as to imply clearly, unambiguously and without relevant qualification that it will be followed in the future.

> [54] In the circumstances, I do not think the Judge can be said to have erred in referring either to 'settled and uniform practice' (without adding 'sufficiently') or to 'unequivocal practice'. Such expressions were apt to describe the sort of practice required to establish a legitimate expectation. For good measure, I do not read the judgment as treating an 'unequivocal assurance' as crucial to the decision. Having concluded in para [84] that there had not been a 'settled and uniform practice', the Judge went on to say that '[furthermore, and additionally, it would be difficult to regard any previous practice as giving rise to an unequivocal assurance that the two particular changes in issue ... would be subject to public consultation'. Absence of an 'unequivocal assurance' was thus an extra reason for rejecting legitimate expectation.

[73] Ini bermakna terdapat pandangan yang menyatakan bahawa bagi membolehkan satu harapan yang sah prosedur tidak diperlukan sebarang penyataan oleh pihak berkuasa. Ia hanyalah berkaitan dengan harapan yang sah substantif.

[74] Sementara itu, dalam konteks undang-undang Malaysia adalah didapati bahawa pemakaian prinsip harapan yang sah telah dibincangkan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Majlis Perbandaran Pulau Pinang v. Syarikat Bekerjasama-sama Serbaguna Sungai Gelugor Dengan Tanggungan* [1999] 3 CLJ 65 yang mengesahkan bahawa prinsip harapan yang sah bukan hanya dalam prosedur tetapi juga dalam substantif.

[75] Dalam kes *Attorney-General Of Hong Kong v. Ng Yuen Shiu* [1983] 2 AC 629, Majlis Privy telah memberikan penjelasan berkenaan dengan prinsip harapan yang sah dan pemakaiannya yang dapat memberi panduan seperti yang berikut:

> The narrower proposition for which the applicant contended was that a person is entitled to a fair hearing before a decision adversely affecting his interests is made by a public official or body, if he has "a legitimate expectation" of being accorded such a hearing. The phrase "legitimate expectation" in this context originated in the judgment of Lord Denning M.R. in *Schmidt v. Secretary of Stare for Home Affairs* [1969] 2 Ch. 149, 170. It is many ways an apt one to express the underlying principle, though it is somewhat lacking in precision. In *Salemi v. MacKellar (No. 2)* (1977) 137 C.L.R. 396, 404, Barwick C.J. construed the word "legitimate" in that phrase as expressing the concept of "entitlement or recognition by law." So understood, the expression (as Barwick C.J. rightly observed) "adds little, if anything, to the concept of a right." With great respect to Barwick C.J., their Lordships consider that the word "legitimate" in that expression falls to be read as meaning "reasonable." Accordingly "legitimate expectations" in this context are capable of including expectations which go beyond enforceable legal rights, provided they have some reasonable basis: see *Reg. v. Criminal Injuries Compensation Board, Ex parte Lain* [1967] 2 Q.B. 864. So it was held in *Reg. v. Board of Visitors of*

Hull Prison, Ex parte St. Germain (No. 2) [1979] 1 W.L.R. 1041 that a prisoner is entitled to challenge, by judicial review, a decision by a prison board of visitors, awarding him loss of remission of sentence, although he has no legal right to remission, but only a reasonable expectation of receiving it.

The decision of the Court of Appeal in the St. Germain case was approved by the House of Lords recently in *O'Reilly v. Mackman* [1983] 2 A.C. 237 where Lord Diplock, with whose speech the other Law Lords present agreed, said, at p. 275:

> It is not, and it could not be, contended that the decision of the board awarding him forfeiture of remission had infringed or threatened to infringe any right of the appellant derived from private law, whether a common law right or one created by a statute. Under the Prison Rules remission of sentence is not a matter of right but of indulgence. So far as private law is concerned all that each appellant had was a legitimate expectation, based upon his knowledge of what is the general practice, that he would be granted the maximum remission, permitted by rule 5(2) of the Prison Rules, of one-third of his sentence if by that time no disciplinary award of forfeiture of remission had been made against him. So the second thing to be noted is that none of the appellants had any remedy in private law.
>
> In public law, as distinguished from private law, however, such legitimate expectation gave to each appellant a sufficient interest to challenge the legality of the adverse disciplinary award made against him by the board on the ground that in one way or another the board in reaching its decision had acted outwith the powers conferred upon it by the legislation under which it was acting; and such grounds would include the board's failure to observe the rules of natural justice: which means no more than to act fairly towards him in carrying out their decision-making process, and I prefer so to put it.
>
> The expectations may be based upon some statement or undertaking by, or on behalf of, the public authority which has the duty of making the decision, if the authority has, through its officers, acted in a way that would make it unfair or inconsistent with good administration for him to be denied such an inquiry.

[76] Apa yang jelas daripada deretan kes-kes yang dinyatakan di atas ialah bagi membolehkan sesuatu harapan yang sah digunakan perlu ditunjukkan bahawa pihak berkuasa telah memberikan suatu representasi yang secara munasabahnya diharapkan boleh dilaksanakan oleh pihak berkuasa tersebut. Mahkamah berpendapat perlu ada keterangan yang menunjukkan bahawa pernyataan telah dibuat oleh pihak berkuasa yang memberikan harapan kepada orang awam untuk bergantung kepada penyataan tersebut untuk sesuatu tindakan yang diharapkan akan dilakukan oleh pihak berkuasa tersebut. Oleh yang demikian, mahkamah merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *North East Plantations Sdn Bhd*

lwn. Pentadbir Tanah Daerah Dungun & Satu Lagi [2011] 4 CLJ 729 di mana Mahkamah Persekutuan menyatakan bahawa penggunaan prinsip harapan yang sah adalah bergantung kepada fakta kes dan tidak boleh sekali-kali mengatasi kuasa tersurat yang dinyatakan di bawah undang-undang bertulis. Hakim Allauddin Mohd Sheriff menyatakan seperti yang berikut:

> [29] Kami juga berpendapat bahawa keputusan majoriti Mahkamah Rayuan adalah tepat apabila dinyatakan 'Whether or not the doctrine of legitimate expectation applies depends on the facts of each case, it cannot and should not override the express statutory power vested in the State Authority'.

[77] Mahkamah Rayuan dalam kes *Pentadbir Tanah Dan Daerah Petaling & Ors v. Bandar Utama City Corporation Sdn Bhd & Anor And Another Appeal* [2021] 5 CLJ 480; [2021] 4 MLJ 689 telah menunjukkan contoh bagaimana harapan yang sah itu boleh terpakai dengan menyatakan seperti yang berikut:

> [45] In order to succeed on the principle of legitimate expectation, it is incumbent on the applicants to show that the second and the sixth respondent gave them an undertaking. The undertaking must be clear and that is to close the temporary access road (Jalan Tanjung) once the applicants completed the construction of Jalan Hilir.

[78] Dalam kes ini, mahkamah mendapati bahawa pemohon-pemohon telah berurusan dengan responden ketiga dan responden keempat untuk menguruskan permohonan untuk lesen mengeluarkan balak daripada kawasan tersebut. Selain daripada itu, terdapat juga surat-surat yang diberikan oleh responden ketiga dan responden keempat berkaitan dengan kawasan pembalakan tersebut. Di dalam surat-surat tersebut, terdapat penyataan-penyataan yang menjadi sandaran kepada tindakan-tindakan lanjut pemohon-pemohon berkenaan dengan kawasan pembalakan tersebut. Responden ketiga dan responden keempat adalah pihak yang mempunyai kuasa di dalam urusan kawasan pembalakan tersebut. Ini bermakna penyataan yang diberikan oleh responden ketiga dan responden keempat tersebut boleh menjadikan asas kepada harapan yang sah pemohon-pemohon terhadap kelulusan kawasan pembalakan tersebut dan usaha-usaha pembalakan yang akan dilakukan di dalam kawasan tersebut.

[79] Adalah menjadi harapan yang sah pemohon-pemohon untuk memperolehi kawasan pembalakan tersebut dan ia tidak dibatalkan secara sebelah pihak oleh responden-responden.

[80] Harapan yang sah itu bukannya berdasarkan kepada sejumlah wang yang dikeluarkan oleh pemohon-pemohon berkenaan dengan kawasan pembalakan tersebut. Ia tidak sewajarnya menjadi pertimbangan mahkamah ini dalam semakan kehakiman ini. Sebaliknya, mahkamah mendapati penyataan yang dinyatakan oleh Pengarah Perhutanan Negeri melalui surat bagi pihak responden telah menyebabkan pemohon-pemohon boleh

mempunyai harapan yang sah dan bergantung kepada penyataan-penyataan tersebut. Pemohon-pemohon pada hemat mahkamah mempunyai kesan langsung kepada keputusan responden-responden.

[81] Oleh itu, mahkamah berpendapat keputusan membatalkan kelulusan kawasan pembalakan tersebut adalah tidak munasabah dan tidak wajar serta memerlukan kepada semakan kehakiman. Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pahang tersebut adalah diisytiharkan sebagai tidak sah dan terbatal.

Adakah Keputusan Penubuhan High Conservation Value Forest [HCVF] Dan Pewartaan Kawasan Pembalakan Tersebut Sebagai Hutan Taman Negeri Lubuk Yu Yang Dibuat Oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Wajar Diketepikan?

[82] Responden-responden dalam afidavit jawapannya menyatakan bahawa keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pahang untuk mengisytiharkan kawasan tersebut sebagai Hutan Taman Negeri Lubuk Yu adalah atas pertimbangan kepentingan awam. Begitu juga dengan keputusan untuk mewartakannya. Dalam kes ini persoalannya ialah adakah keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pahang berkenaan dengan pengisytiharaan kawasan tersebut dan pewartaan itu wajar disemak oleh mahkamah. Adakah ia merupakan suatu keputusan dasar yang tidak sewajarnya diganggu oleh mahkamah. Berkenaan dengan hal ini adalah wajar untuk mahkamah melihat apakah yang dimaksudkan dengan keputusan dasar yang dilakukan oleh badan awam. Dalam konteks kes ini adalah Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK). Dalam kes *Merdeka University Berhad v. Government Of Malaysia* [1981] CLJ 175; [1981] CLJ (Rep) 191; [1981] 2 MLJ 356 telah dijelaskan apakah yang dimaksudkan dengan dasar seperti yang berikut:

> Policy is a somewhat nebulous and amorphous concept difficult for the courts to discern as such until and unless it becomes apparent from a legislative measure which reflects and effectuates it. Salmon L.J., (now a Law Lord) stressed in *Blackburn v. Attorney-General* [1971] 1 WLR 1037 (at page 1041), 1041 that political decisions have nothing to do with the courts which are concerned only with the effect of such decisions if and when theyhave been implemented by legislation.

[83] Malahan, dalam kes *R (On The application Of A) v. Secretary Of State For The Home Department* [2022] 1 All ER 177, Mahkamah Agung di United Kingdom telah menjelaskan berkenaan dengan dasar seperti yang berikut:

> Policies are different from law. They do not create legal rights as such. In the case of policies in relation to the exercise of statutory discretionary powers, it is unlawful for a public authority to fetter the discretion conferred on it by statute by applying a policy rigidly and without being willing to consider whether it should not be followed in the particular

> case. However, in an important development in public law in the last decades, the courts have given policies greater legal effect. In certain circumstances a policy may give rise to a legitimate expectation that a public authority will follow a particular procedure before taking a decision and it may give rise to a legitimate expectation that the authority will confer a particular substantive benefit when it does decide how to exercise its discretion.

[84] Dalam kes *Marcel Jude Joseph & Anor v. The Minister Of Education & Ors* [2013] 1 CLJ 1106 telah dikemukakan dengan semakan kehakiman terhadap keputusan Kerajaan untuk membatalkan Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Mahkamah telah menyatakan seperti yang berikut:

> [17] Having read art. 161 of the Federal Constitution with care, it seems quite clear to me that nowhere in that article does it refer to the matter of Education or for that matter the requirement of the use of English in the teaching in Mathematics and Science. The use of the English language in the High Court of Sabah and Sarawak is specifically provided for in art. 161. The simple implication is that unless it is specifically provided for in the Federal Constitution or any other legislation, no such restriction is placed on the government in formulating policy for the education system in the country. Hence the introduction or reversal of PPSMI is a matter of government policy, nothing more, nothing less. Policies of government of course cannot be questioned by the Court of Law which concerns only with interpretation of the law enacted by Parliament. The executive arm of government decides what policy should be implemented and if the people are not happy, their remedy lies with the court of public opinion.

[85] Pada hemat mahkamah, keputusan untuk mewartakan dan mengisytiharkan kawasan pembalakan tersebut sebagai Hutan Taman Negeri Lubuk Yu adalah dibuat berdasarkan pertimbangan responden pertama setelah mengambil kira laporan-laporan yang dikemukakan. Ia adalah merupakan keputusan dasar yang tidak sewajarnya diganggu oleh mahkamah ini. Pertimbangan yang dibuat oleh responden pertama adalah di luar jangkauan mahkamah ini dan tidak perlu diganggu.

[86] Walau bagaimanapun, mahkamah juga perlu mengambil perhatian bahawa setelah mahkamah ini telah membuat keputusan untuk mengetepikan pembatalan kelulusan kawasan pembalakan tersebut, maka adakah ia juga secara automatik menyebabkan keputusan pewartaan dan pengisytiharan Hutan Taman Negeri Lubuk Yu itu juga terbatal? Pada hemat mahkamah ini, keputusan mengetepikan pembatalan kelulusan kawasan pembalakan itu adalah berbeza pertimbangannya dengan keputusan responden pertama mengisytiharkan dan mewartakan kawasan hutan tersebut. Ini adalah disebabkan keputusan responden pertama satu keputusan dasar. Sementara

keputusan responden kedua membatalkan kelulusan kawasan pembalakan adalah tidak termasuk dalam perkara dasar responden pertama yang tidak boleh diganggu oleh mahkamah ini.

Adakah Perintah Mandamus Wajar Diberikan Bagi Memaksa Responden Kedua Mengeluarkan Lesen Di Borang 1 Kepada Pemohon-pemohon Di Bawah Akta Perhutanan Negara 1984?

[87] Seterusnya, mahkamah juga perlu mempertimbangkan sama ada suatu perintah *mandamus* wajar diberikan terhadap responden-responden bagi mengeluarkan lesen di Borang 1 Akta Perhutanan Negara 1984. Ini adalah disebabkan responden-responden tidak mengeluarkan lesen tersebut walaupun pemohon-pemohon telah dikatakan mematuhi segala kehendak Akta Perhutanan Negara 1984.

[88] Secara amnya, *mandamus* adalah merujuk kepada perintah yang diberikan oleh mahkamah untuk sesuatu badan awam mengambil tindakan yang melibatkan sesuatu pihak. Hakikat *mandamus* telah dinyatakan dengan menarik di dalam *Administrative Law* oleh HWR Wade & CF Forsyth Ninth Edition, 2004, Oxford University Press di halaman 615 seperti yang berikut:

> The prerogative remedy of *mandamus* has long provided the normal means of enforcing the performance of public duties by public authorities of all kinds. Like the other prerogative remedies, it is normally granted on the application of a private litigant, though it may equally well be used by one public authority against another. The commonest employment of *mandamus* is as a weapon in the hands of the ordinary citizen, when a public authority fails to do its duty by him. *Certiorari* and prohibition deal with wrongful action, *mandamus* deals with wrongful inaction. The prerogative remedies thus together cover the field of governmental powers and duties.

[89] Mahkamah Rayuan dalam kes *Menteri Besar Negeri Pahang Darul Makmur v. Seruan Gemilang Makmur Sdn Bhd* [2010] 5 CLJ 123; [2010] 4 MLJ 360 telah memberikan panduan yang padat dan menarik berkenaan dengan maksud *mandamus* seperti yang berikut:

> It is clear from the aforesaid passages that the order of *mandamus* could be issued to enforce the performance of a public duty where there has been a failure to perform the same.

[90] Seterusnya, dalam hal keadaan *mandamus* boleh diberikan telah dinyatakan dengan jelas di dalam *MP Jain, Administrative Law of Malaysia and Singapore*, 4th edn, updated by Dr Damien Cremean, Lexis Nexis, 2011 di halaman 615 seperti yang berikut:

> *Mandamus* is also issued to ensure subordinate bodies and officers exercising public functions keep within the limits of their jurisdiction. *Mandamus* can be issued to any type of body, *quasi*-judicial, legislative, administrative and in respect of any type of function. *Mandamus*, however, can be granted only when:

(a) a legal duty is imposed on an authority, and it does not perform it; and

(b) the application has a legal right to compel the performance of that duty.

[91] Seksyen 44 Akta Relief Spesifik 1950 dalam versi asal adalah seperti yang berikut:

44 Power to order public servants and others to do certain specific acts

(1) A Judge may make an order requiring any specific act to be done or forborne, by any person holding a public office, whether of a permanent or a temporary nature, or by any corporation or any court subordinate to the High Court:

Provided that:

(a) an application for such an order be made by some person whose property, franchise, or personal right would be injured by the forbearing or doing, as the case may be, of the said specific act;

(b) such doing or forbearing is, under any law for the time being in force, clearly incumbent on the person or court in his or its public character, or on the corporation in its corporate character;

(c) in the opinion of the Judge the doing or forbearing is consonant to right and justice;

(d) the applicant has no other specific and adequate legal remedy; and

(e) the remedy given by the order applied for will be complete.

(2) Nothing in this section shall be deemed to authorize a Judge:

(a) to make any order binding on the Yang di-Pertuan Agong;

(b) to make any order on any servant of any Government in Malaysia, as such, merely to enforce the satisfaction of a claim upon that Government; or

(c) to make any order which is otherwise expressly excluded by any law for the time being in force.

Dalam versi Bahasa Melayu dinyatakan seperti yang berikut:

44 Kuasa untuk memerintahkan pekhidmat awam dan lain-lain untuk melakukan perbuatan spesifik yang tertentu

(1) Seseorang Hakim boleh membuat suatu perintah yang menghendaki mana-mana perbuatan spesifik dilakukan atau tidak dilakukan, oleh mana-mana orang yang memegang jawatan awam, sama ada yang bersifat kekal atau sementara, atau oleh mana-mana perbadanan atau mana-mana mahkamah yang lebih rendah daripada Mahkamah Tinggi:

Dengan syarat bahawa:

(a) sesuatu permohonan bagi perintah sedemikian dibuat oleh seseorang yang harta, francais, atau hak dirinya akan rosak jika

perbuatan spesifik tersebut tidak dilakukan atau dilakukan, mengikut mana-mana yang berkenaan;

(b) melakukan atau tidak melakukan perbuatan itu di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa, dengan jelas terletak pada orang atau mahkamah itu atas sifatnya atau sifat awamnya atau pada perbadanan itu atas sifat perbadanannya;

(c) pada pendapat Hakim itu melakukan atau tidak melakukan perbuatan itu adalah selaras dengan hak dan keadilan;

(d) pemohon tidak mempunyai remedi undang-undang lain yang spesifik dan mencukupi; dan

(e) remedi yang diberi oleh perintah yang dipohonkan akan mencukupi.

(2) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan sebagai membenarkan seseorang Hakim:

(a) untuk membuat apa-apa perintah yang mengikat Yang di-Pertuan Agong;

(b) untuk membuat apa-apa perintah ke atas mana-mana pekhidmat mana-mana Kerajaan di Malaysia, oleh yang demikian semata-mata untuk menguatkuasakan penyelesaian sesuatu tuntutan terhadap Kerajaan itu; atau

(c) untuk membuat apa-apa perintah yang dikecualikan dengan nyata selainnya oleh mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

[92] Keperluan asas yang diperlukan bagi membolehkan perintah *mandamus* dikeluarkan telah dinyatakan dengan menarik dalam kes *Koon Hoi Chow v. Pretam Singh* [1972] CLJU 56; [1972] 1 LNS 56; [1972] 1 MLJ 180 seperti yang berikut:

There are four prerequisites essential to the issue of an order under section 44 or of a *mandamus*:

(1) Whether the applicant has a clear and specific legal right to the relief sought;

(2) Whether there is a duty imposed by law on the respondent;

(3) Whether such duty is of an imperative ministerial character involving no judgment or discretion on the part of the respondent; and

(4) Whether the applicant has any remedy, other than by way of *mandamus*, for the enforcement of the right which has been denied to him.

[93] Selain daripada itu, mahkamah juga tidak sewajarnya memberikan perintah *mandamus* sekiranya terdapat remedi lain yang boleh diperolehi. Ini dapat dilihat melalui keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Manggai v. Government Of Sarawak & Anor* [1970] CLJU 80; [1970] 1 LNS 80; [1970] 2 MLJ 41. Pihak yang ingin mendapatkan perintah *mandamus* tersebut hendaklah menunjukkan bahawa terdapat hak perundangan yang khusus bagi meminta mahkamah menggunakan budi bicara bagi memberikan perintah *mandamus*. Ini telah dinyatakan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Semantan Estate [1952] Sdn Bhd v. Collector Of Land Revenue Wilayah Persekutuan* [1987] 2 CLJ 199; [1987] CLJ (Rep) 329 seperti yang berikut:

> Then there is the important question of the appellant's standing. He must have a specific legal right to ask the Court to exercise its discretion to issue the order of *mandamus*. Such discretion must be exercised judicially. If the appellant has no such right then he is not entitled to *mandamus*.

[94] Semasa menimbangkan perintah *mandamus*, mahkamah tidak hanya perlu melihat keadaan tingkah laku pemohon tetapi perlu melihat keadaan kes tersebut sebelum memutuskan kewajaran perintah *mandamus* tersebut diberikan. Ini telah dinyatakan juga dalam kes *Semantan Estate [1952] Sdn Bhd v. Collector Of Land Revenue Wilayah Persekutuan* (*supra*) seperti yang berikut:

> The issue of an order of *mandamus* is strictly a matter of discretion. In order to ascertain whether it is proper or not to grant the remedy the Court is entitled to take into consideration not only the conduct of the applicant but also all the surrounding circumstances of the case. The procedure of the Court cannot be abused as there must be an end to any litigation.

[95] Penelitian kepada kes-kes di atas menunjukkan bahawa mahkamah tidak boleh memberikan satu perintah *mandamus* sekiranya terdapat tatacara yang lain bagi mendapatkan hak pemohon. Dalam erti kata lain, *mandamus* tidak boleh digunakan sebagai alat untuk memperolehi sesuatu remedi yang boleh diperolehi melalui kes yang lain. Dalam kes ini, pemohon-pemohon telah mengemukakan permohonan bagi mendapat lesen pembalakan seperti yang dikehendaki di bawah Akta Perhutanan Negara 1984. Apa yang jelas daripada afidavit sokongan pemohon-pemohon berkenaan dengan perkara ini tiada sebarang keterangan yang menunjukkan bahawa pihak responden telah memaklumkan bahawa permohonan pemohon untuk mendapatkan lesen pembalakan itu telah ditolak. Ini bermakna permohonan tersebut masih berada di dalam pertimbangan pihak responden-responden. Ia bergantung kepada penelitian responden-responden dan mereka berpuas hati bahawa segala kehendak di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 dan peraturan-peraturan di bawahnya telah dipenuhi. Pihak pemohon boleh mengemukakan pertanyaan susulan ataupun mengemukakan rayuan sekiranya keputusan telah dibuat oleh pihak responden-responden. Oleh itu, adalah tidak wajar berdasarkan kepada fakta dan keadaan kes ini untuk mahkamah ini

mengeluarkan perintah *mandamus* terhadap responden-responden sedangkan proses permohonan lesen pembalakan itu belum diputuskan secara muktamad oleh responden-responden.

[96] Pada hemat mahkamah, inilah yang dimaksudkan dengan terdapatnya remedi-remedi yang lain dan tidak sesuai untuk satu perintah *mandamus* diberikan dalam kes ini terhadap responden-responden berkenaan dengan permohonan lesen pembalakan tersebut. Pada masa yang sama, mahkamah juga mengambil perhatian bahawa adakah disebabkan mahkamah telah memutuskan bahawa pembatalan kelulusan kawasan pembalakan tersebut adalah diketepikan, maka secara automatik ia menyebabkan responden-responden perlu diperintahkan untuk meluluskan permohonan lesen pembalakan oleh pemohon-pemohon? Pada hemat mahkamah, isu pembatalan kawasan pembalakan oleh responden pertama perlu dibezakan dengan permohonan pemohon-pemohon untuk mendapatkan lesen pembalakan. Permohonan untuk mendapatkan lesen pembalakan adalah tertakluk kepada tatacara yang ditetapkan di bawah peraturan-peraturan berkenaan dengan perhutanan dan Akta Perhutanan Negara 1984. Di samping itu, permohonan tersebut masih belum diputuskan secara muktamad oleh pihak responden-responden. Oleh itu, mahkamah ini berpendapat keadaan dalam kes ini tidak mewajarkan satu perintah *mandamus* diberikan terhadap responden-responden.

[97] Setelah menimbangkan permohonan pemohon-pemohon, afidavit-afidavit sokongan, afidavit-afidavit jawapan dan hujahan pihak-pihak serta penganalisaan ringkas kepada prinsip berkaitan dengan semakan kehakiman dan kewajaran pemberian perintah *mandamus*, mahkamah memerintahkan seperti yang berikut:

(i) permohonan oleh pemohon-pemohon untuk satu perintah *certiorari* bagi tujuan mengetepikan dan/atau membatalkan keputusan pembatalan kelulusan dan hak pembalakan untuk mengambil hasil hutan daripada kawasan pembalakan diluluskan di bawah konsesi Berkelah tersebut oleh responden-responden melalui surat-surat pembatalan bertarikh 14 Disember 2023 yang dikeluarkan oleh responden ketiga adalah dibenarkan;

(ii) permohonan oleh pemohon-pemohon untuk satu perintah *certiorari* bagi tujuan mengetepikan dan/atau membatalkan keputusan yang dipersoalkan untuk menubuhkan high conservation value forest (HCVF) dalam sebahagian kawasan pembalakan yang diluluskan melalui surat-surat pembatalan bertarikh 14 Disember 2023 yang dikeluarkan oleh responden ketiga adalah ditolak;

(iii) permohonan oleh pemohon-pemohon untuk satu perintah *certiorar*i bagi tujuan mengetepikan dan/atau membatalkan keputusan responden pertama untuk mewartakan kawasan pembalakan diluluskan sebagai Hutan Taman Negeri Lubuk Yu yang dibuat di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pahang Ke-32/2023 yang diadakan pada 30 Ogos 2023 adalah ditolak;

(iv) permohonan oleh pemohon-pemohon untuk satu deklarasi bahawa kelulusan dasar yang diberikan di bawah konsesi Berkelah tersebut adalah sah dan berkuat kuasa atau secara alternatifnya, dihidupkan semula tanpa apa-apa syarat tambahan adalah dibenarkan;

(v) permohonan oleh pemohon-pemohon untuk satu perintah *mandamus* bagi tujuan untuk memaksa (compel) responden kedua mengeluarkan lesen Borang 1 dan lesen-lesen berkenaan yang membenarkan pengambilan hasil hutan mengikuti dan pelaksanaan tugas pemohon menurut konsesi Berkelah dengan serta-merta adalah ditolak; dan

(vi) responden-responden membayar kos kepada pemohon-pemohon sebanyak RM15,000 sahaja.